


PEMILIHAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEBAGAI MATA  
PELAJARAN ELEKTIF DALAM PEPERIKSAAN SPM  
OLEH PELAJAR  
MAKTAB BENDAH SAINS MARA.

ZALNAN BINTI MOHAMAD

UNIVERSITI MALAYA

2004



**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA**

Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon: ..... ZALILAH BINTI MOHAMAD .....  
No. Pendaftaran: ..... PGA.020239 .....  
Nama Ijazah: ..... SARJANA PENDIDIKAN .....  
PEMILIHAN PENDIDIKAN SENI VISUAL  
Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan: .....  
SEBAGAI MATA PELAJARAN ELEKTIF DALAM PEPERIKSAAN SPM  
OLEH PELAJAR MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)  
Bidang Pengkhususan: ..... PENDIDIKAN SAINS SOSIAL .....

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek/  
Laporan Penyelidikan ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya  
terdapatnya hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak  
(seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti  
rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah  
digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan  
mereka melalui konvesyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui  
bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek/Laporan Penyelidikan ini  
belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-  
mana universiti.

Tandatangan: .....  ..... Tarikh: .....

**PEMILIHAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEBAGAI MATA  
PELAJARAN ELEKTIF DALAM PEPERIKSAAN SPM  
OLEH PELAJAR  
MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)**

**ZALILAH BINTI MOHAMAD**

Hak Milik MARA

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan**

**2004**

## ABSTRAK

Kertas projek ini memerihalkan persepsi pelajar aliran sains di Maktab Rendah Sains MARA dalam pemilihan Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan SPM. Pemilihan pelajar difokuskan berdasarkan dua aspek yang berkaitan iaitu asas pemilihan dan asas keutamaan. Di samping itu, kajian ini juga melihat hubungan antara kepentingan asas pemilihan dengan faktor lain yang berkaitan iaitu faktor yang mendorong minat, dan motivasi, disiplin, akademik dan prospek kerjaya. Sampel kajian terdiri daripada pelajar Maktab Rendah Sains MARA, yang berada dalam Tingkatan Lima dan mengambil Pendidikan Seni Visual untuk peperiksaan SPM. Seramai 64 responden terlibat dalam kajian ini yang diambil dari tiga buah Maktab Rendah Sains MARA. Data telah dikumpul melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 11.0. Keputusan dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar yang memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam SPM, mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tersebut dan percaya bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual membantu kepada peningkatan gred keseluruhan peperiksaan. Disamping itu pemilihan juga dibuat berdasarkan kepada kaitannya dengan bidang kerjaya yang dipilih.

## **ABSTRACT**

### ***THE CHOICE OF TAKING VISUAL ART EDUCATION AS AND ELECTIVE SUBJECT IN THE SPM BY MARA JUNIOR SCIENCE COLLEGE STUDENTS.***

*The study of this project mainly focuses on the perception of the Science stream students of MARA Junior Science college in choosing Visual Art Education as an elective subject in the SPM. Selection focuses on two aspects ; which are the basic selection and basic priority. Apart from that, this study also focuses on the connection between the important of basic selection with other factors which drive interest, motivation, discipline, academic and career prospect. Sample of study consists of 64 respondents from three MARA Junior Science colleges who take Visual Art Education in their SPM 2004. Data were collected through survey method using questionnaires and were analysed using SPSS version 11.0. Results of the study show that these students have high interest in the subject and they believe that Visual Art Education could help to improve their overall examination's grade. Besides that the choice is made due to its important in their future career.*

## **PERHARGAAN**

### **BISMILLAAHIRRAHMAANIRRAHIIM**

Dengan Menyebut Nama Allah Yang Maha Permurah lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadratnya kerana dengan izinnya saya telah dapat menyiapkan kertas projek ini dalam masa yang ditetapkan.

Ucapan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia, merangkap mentor saya Prof. Madya Dr. Abu Talib bin Putih, yang sentiasa bersedia meluangkan masa dan tenaga dalam memberi ilmu, pendapat, nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang amat berharga semasa menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih saya tujukan khas kepada Pn. Rosilawati, En. Roslan dan En. Shahidan dari Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA yang membantu mendapatkan maklumat tentang kajian saya.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada pihak MARA khususnya, yang telah memberi saya biasiswa untuk melanjutkan pelajaran, ribuan terima kasih diucapkan kepada Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, Pengetua Ilham, Pengetua MRSM yang terlibat serta semua guru khususnya guru Pendidikan Seni Visual MRSM Muar dan MRSM Perlis serta pelajar-pelajar di atas kerjasama mereka memberi respons kepada soal selidik kajian ini.

Akhir sekali, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada datuk saya Hj.Mansor dan bonda tersayang Hajah Hindon Mansor di atas doa restu dan perangsang yang diberi dan semangat untuk terus belajar serta menuntut ilmu. Juga tidak dilupakan kepada arwah ayahanda yang semasa hayatnya sentiasa berdoa untuk melihat anak-anaknya berjaya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga, anak-anak saudara, sahabat karib, serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberikan galakan serta perangsang sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini. Doa restu saya semoga kehidupan kalian diberkati Allah S.W.T. dunia dan akhirat.

Sekian, terima kasih.

Salam Penghargaan.

ZALILAH MOHAMAD  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR.  
4 OKTOBER 2004

# ISI KANDUNGAN

		Muka Surat
	<b>ABSTRAK</b>	i
	<b>ABSTRACT</b>	ii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iii - iv
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	v - vi
	<b>SENARAI GRAF</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	viii - ix
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	1
	1.0 Latar Belakang Kajian	1
	1.0.1 Maktab Rendah Sains MARA	3
	1.0.2 Pendidikan Seni Visual di MRSM	5
	1.0.3 Pencapaian Pelajar MRSM Dalam Pendidikan Seni Visual	8
	1.1 Kerangka Kajian	12
	1.2 Pernyataan Masalah	14
	1.3 Objektif Kajian	16
	1.4 Soalan Kajian	17
	1.5 Batasan Kajian	19
	1.6 Definisi Istilah	20
<b>BAB 2</b>	<b>Tinjauan Literatur</b>	23
	2.0 Pengenalan	23
	2.1 Model Kurikulum Pendidikan Seni Visual	23
	2.2 Kepentingan Pendidikan Seni Visual	27
	2.3 Pendidikan Seni Visual Di Malaysia	31
	2.4 Asas Pemilihan Pendidikan Seni Visual	35
<b>BAB 3</b>	<b>Metodologi Kajian</b>	43
	3.0 Pendahuluan	43
	3.1 Sampel Kajian	43
	3.2 Reka Bentuk Kajian	45
	3.3 Prosedur Kajian	46
	3.4 Instrumen Kajian	47
	3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	49
	3.6 Analisis Data	50



	<b>Muka Surat</b>
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b> 51
4.0	Pengenalan 51
4.1	Butir-Butir Responden 51
4.1.1	Demografi 51
4.1.2	Ciri-Ciri Pelajar 53
4.1.3	Sebab-Sebab Pemilihan Pendidikan Seni Visual 54
4.1.4	Hubungan Antara Ciri Pelajar Dengan Sebab-Sebab Pemilihan 56
4.2	Asas Utama Bagi Pelajar MRSM Dalam Pemilihan Pendidikan Seni Visual 58
4.3	Hubungan Antara Asas Pemilihan Dengan Faktor-Faktor Yang Mendorong Minat Pelajar 60
4.4	Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Keutamaan Pelajar Terhadap Pemilihan Pendidikan Seni Visual 64
4.5	Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Sikap Kerjaya Pelajar 66
4.6	Rumusan 68
<b>BAB 5</b>	<b>RINGKASAN, IMPLIKASI DAN PENUTUP</b> 70
5.0	Pengenalan 70
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian 70
5.2	Perbincangan 75
5.3	Implikasi dan Cadangan 78
5.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan 81
5.5	Penutup 82
	<b>BIBLIOGRAFI</b> 85 - 88
	<b>LAMPIRAN</b>
	Lampiran Soal Selidik
	Lampiran Surat Kebenaran

## SENARAI GRAF

	<b>Muka Surat</b>
<b>GRAF 1:</b> Bilangan Pelajar Maktab Rendah Sains MARA Yang Mengambil Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual Dari Tahun 1999 Hingga 2003	9
<b>GRAF 2:</b> Pencapaian Pelajar Maktab Rendah Sains MARA Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual Mengikut Tahun Dan Peratus Gred A ( 1A + 2A )	10
<b>GRAF 3:</b> Contoh dari MRSM Muar – Peratus Pencapaian Gred Cemerlang dan Kepujian Dalam Pendidikan Seni Visual	11

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1 :	Subjek Menengah Atas	6
Jadual 2 :	Jumlah Calon Yang Mengambil Pendidikan Seni Visual Untuk SPM Di Seluruh MRSM Dari Tahun 1999 Hingga 2003	8
Jadual 3 :	Bilangan Calon dan Peratus Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Seni Visual Dari MRSM Muar	11
Jadual 4 :	Kebolehpercayaan	50
Jadual 5 :	Taburan Jantina Responden	52
Jadual 6 :	Taburan Sekolah Responden Sebelum Masuk Ke MRSM	52
Jadual 7 :	Taburan Kedudukan Rumah Responden	53
Jadual 8 :	Taburan Hobi Responden Di Waktu Lapang	53
Jadual 9 :	Taburan Mengikut Aliran	54
Jadual 10 :	Taburan Keputusan Peperiksaan Pendidikan Seni Visual Responden Yang Lepas	54
Jadual 11 :	Taburan Tahap Minat Responden Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	55
Jadual 12 :	Taburan Cita-Cita Responden	55
Jadual 13 :	Taburan Yang Mendorong Minat Responden	56

<b>Jadual 14 :</b>	Hubungan Antara Ciri-Ciri Pelajar Dengan Faktor Pemilihan	57
<b>Jadual 15 :</b>	Asas Utama Pelajar MRSM Memilih Pendidikan Seni Visual	58
<b>Jadual 16 :</b>	Hubungan Antara Asas Pemilihan Dengan Faktor Yang Mendorong	61
<b>Jadual 17 :</b>	Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Keutamaan Pelajar	64
<b>Jadual 18 :</b>	Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Sikap Kerjaya Pelajar	66

Hak Milik MARA

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Latar Belakang Kajian**

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual telah lama diajarkan di sekolah-sekolah di Malaysia, iaitu bermula sejak zaman British lagi. Sejak diperkenalkan secara formal dalam tahun 1922, Pendidikan Seni Visual kini telah melalui banyak perubahan dari segi matlamat dan kandungan. Bermula sebagai mata pelajaran Seni lukis dan Pertukangan Tangan, subjek ini kemudiannya diganti dengan mata pelajaran Lukisan, seterusnya berkembang menjadi mata pelajaran Pendidikan Seni. Dalam tahun 2000 sukatan pelajaran bagi mata pelajaran ini telah digubal dan diubah suai menjadi Pendidikan Seni Visual.

Dalam konteks struktur umum Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan satu mata pelajaran elektif. Dari segi tarafnya mata pelajaran ini adalah satu mata pelajaran pilihan untuk calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Untuk peperiksaan, mata pelajaran ini menawarkan 3 kertas wajib iaitu Teori Seni (2611/1), Seni Halus (2611/2), dan Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) (2611/3), yang mementingkan kefahaman, kemahiran dan aplikasi serta kesedaran tentang nilai estetik dalam penghasilan KRSV.

Kurikulum Pendidikan Seni Visual (2001), telah disusun semula supaya selaras dengan perkembangan terkini dalam usaha untuk mencapai

hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Antara lain, kurikulum ini bertujuan untuk melengkapkan kemahiran pelajar pada aras pencapaian keilmuan yang tinggi dari aspek kesenian, reka bentuk, teknologi dan alam kehidupan selepas persekolahan. Disamping itu, kandungan kurikulum digubal dengan memastikan keseimbangan penekanan pada kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan beberapa kemahiran generik perkembangan potensi diri dan keupayaan diri pelajar yang inovatif dan produktif dalam seni visual.

Dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, dijelaskan tentang matlamat Pendidikan Seni Visual sekolah menengah :-

**“Matlamat Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Kandungan kurikulum berupaya membantu pelajar meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni warisan bangsa serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.”** (Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Pendidikan Seni Visual, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000 )

Pendidikan Seni Visual adalah satu bidang ilmu yang dapat membantu pembangunan sahsiah individu secara menyeluruh dan berupaya

meningkatkan kualiti kehidupan mereka secara umum. Dalam konteks KBSM, tiga aspek ini diberi pendekatan melalui aktiviti seni iaitu aspek kognitif, afektif dan psikomotor . Kandungan kurikulum yang dibina mencakupi tiga aspek penting : -

1. kognitif – yang melibatkan intelek, persepsi dan bahasa.
2. afektif - emosi, sosial, estetika dan kreatif, dan
3. psikomotor - iaitu perkembangan fizikal dan kemahiran.

### **1.0.1 Maktab Rendah Sains MARA**

Maktab Rendah Sains MARA merupakan sebuah institusi pendidikan berasrama penuh aliran sains yang didirikan oleh kerajaan bertujuan untuk memberi kemudahan pelajaran di peringkat menengah dan dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar Bumiputera yang mempunyai kebolehan akademik yang tinggi.

Visi MRSM ialah menjadi pusat kecemerlangan yang bertaraf dunia dan berupaya menyediakan prasarana pendidikan yang mantap kepada pelajar-pelajar yang akan menjadi anggota masyarakat yang berkualiti dan bijaksana ke arah pembentukan golongan profesional dan usahawan bumiputera pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi.

Antara objektif MRSM ialah :-

1. Melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik, cergas fizikal dan sempurna sahsiah, berdaya saing, saintifik dan global.
2. Melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam Teknologi Maklumat (IT).
3. Melahirkan pelajar yang cekap berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
4. Melahirkan pelajar yang boleh berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.
5. Melahirkan pelajar yang cinta akan agama, bangsa dan negara.
6. Mewujudkan sistem pengurusan yang cekap dan berkesan berdasarkan ISO 9002
7. Mewujudkan suasana persekolahan yang kondusif dan memberangsangkan untuk pembelajaran dan pengajaran.

Dengan merujuk aspek ( 4 ) di atas, iaitu melahirkan pelajar yang boleh berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif; maksud berfikir secara kritis ialah suatu proses pemikiran yang tinggi dari segi menganalisis situasi, mengenal pasti masalah, mengumpul maklumat, memberi pendapat dan kritikan. Kreatif pula bermaksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. Manakala



inovatif membawa maksud memperkenalkan atau menggunakan idea , teknik dan sebagainya dengan pendekatan yang baru.

Jelaslah bahawa selain daripada mementingkan sains dan matematik, mata pelajaran lain yang berkaitan untuk melahirkan pelajar yang boleh berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif diutamakan juga di MRSM. Maka oleh sebab itu, kurikulum MRSM mengutamakan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan meletakkannya dalam kategori subjek khas. Oleh itu pelajar yang berada di Tingkatan Empat wajib mempelajari mata pelajaran Pendidikan Seni Visual iaitu dua jam kredit dan mesti lulus. Bagi pelajar yang mempunyai bakat, minat dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi boleh meneruskan hingga ke Tingkatan Lima seterusnya boleh mengambilnya sebagai mata pelajaran elektif untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan beberapa syarat tertentu.

#### **1.0.2. Pendidikan Seni Visual di MRSM**

Di Maktab Rendah Sains MARA terdapat dua jurusan sains sahaja iaitu Sains Tulen dan Sains Gunaan. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual berada dalam Kursus Khas bersama-sama dengan mata pelajaran Sains Komputer, Perkembangan Kerjaya, Keusahawanan, Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Belajar dengan dua jam kredit, semua pelajar Tingkatan Empat wajib mempelajarinya. ( Sila lihat Jadual 1 ).Peruntukan masa yang disediakan ialah satu sela masa (period), pertemuan sekali seminggu.

Jadual 1.

**Subjek Menengah Atas**

Subjek Teras	Subjek Elektif	Subjek Khas
<ul style="list-style-type: none"><li>• Bahasa Melayu</li><li>• Bahasa Inggeris</li><li>• Sejarah</li><li>• Pendidikan Islam /Moral</li><li>• Matematik</li><li>• Pendidikan Jasmani dan Kesihatan</li><li>• EnglishFor Science Technology</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Matematik Tambahan</li><li>• Kimia</li><li>• Fizik</li><li>• Biologi</li><li>• Rekacipta</li><li>• Prinsip Akaun</li><li>• Teknologi Maklumat</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sains Komputer</li><li>• <b>Pendidikan Seni Visual (Senireka)</b></li><li>• Keusahawanan</li><li>• Perkembangan Kerjaya &amp;Kemahiran Berkomunikasi</li><li>• Kemahiran Berfikir</li><li>• Kemahiran Belajar</li></ul>

Kurikulum tersebut berasaskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Kementerian Pendidikan dan kurikulum yang dibentuk khas oleh MARA, iaitu terdiri daripada subjek teras, subjek elektif dan subjek khas.

Pendidikan Seni Visual di MRSM memberi penekanan kepada penghasilan dan penghayatan terhadap reka bentuk dengan pendekatan dan pembelajaran yang lebih luas dan bebas kerana tidak terikat dengan kehendak peperiksaan. Pemilihan topik berdasarkan kesesuaiannya untuk pelajar-pelajar jurusan sains atau bergantung kepada kemahiran dan kepakaran yang dimiliki oleh guru Pendidikan Seni Visual serta kemudahan yang ada seperti kemudahan komputer, penggunaan LCD, dan kemudahan lain yang ada di

MRSM tertentu. Sebahagian besar modul merujuk pada huraian sukatan pelajaran KBSM, Kementerian Pendidikan.

Selain daripada mengajar kemahiran melukis, aktiviti pengajaran Pendidikan Seni Visual di MRSM memberi tumpuan kepada kemahiran belajar lain seperti kemahiran belajar secara kritis dan kreatif, cara-cara menyelesaikan masalah dalam mereka dan mencipta dengan membuat penyelidikan, mengumpul maklumat dan bahan kajian. Melalui aktiviti-aktiviti ini akan mewujudkan dan memperkembangkan idea serta perbincangan dan kritikan. Dengan ini pelajar bukan sahaja dapat 'membuat', tetapi juga dapat 'menilai' dan 'menghayati'. Aktiviti disalurkan melalui pengetahuan mengenai teori seni seperti Asas Senireka, Proses dalam Rekaan, Sejarah Seni dan Apresiasi Seni. Menurut Jerome Bruner (1960), kreativiti itu boleh dilatih menerusi kegiatan seni secara formal setiap kali pelajar-pelajar berhadapan dengan pengalaman seni.

Pelajar yang terpilih mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk SPM adalah dalam kalangan pelajar yang telah melepasi beberapa syarat pemilihan. Pelajar-pelajar ini dipantau dan dibimbing sejak di Tingkatan Empat lagi, pelajar-pelajar ini juga telah mempamerkan minat dan kesungguhan yang sangat tinggi, mempunyai rekod akademik yang memuaskan. Pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM sangat berinisiatif, berkomitmen tinggi dan berupaya untuk berdikari.

### 1.0.3 Pencapaian Pelajar MRSM Dalam Pendidikan Seni Visual

Sejarah peperiksaan Pendidikan Seni Visual dalam SPM di MRSM, membuktikan bahawa kebanyakan pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM telah memperoleh keputusan cemerlang, walaupun jumlah pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual di seluruh MRSM tidak ramai jika dibanding dengan jumlah pelajar Tingkatan Lima seluruh MRSM. ( Sila rujuk Jadual 2. )

**Jadual 2.**

**Jumlah calon yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM di seluruh MRSM dari tahun 1999 hingga 2003.**

Tahun	Bil. Calon	% Ambil	1A+2A	%	Jumlah
1999	326	8.73	266	81.60	3735
2000	214	4.98	154	71.96	4295
2001	275	6.20	92	33.45	4439
2002	277	5.08	126	45.49	5451
2003	371	6.28	185	49.87	5911


Guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual di MRSM adalah guru-guru yang berkeelayakan dan berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing kerana mereka sahaja yang memahami matlamat, objektif dan hakikat pengajaran dan pembelajaran yang sebenarnya. Guru

yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dapat melahirkan individu yang kreatif, serta mempunyai kesedaran estetika yang tinggi dalam masyarakat.

Dalam Graf 1, menunjukkan graf jumlah calon yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM dari tahun 1999 hingga 2003. Graf 2, menunjukkan pencapaian pelajar MRSM dalam SPM bagi yang cemerlang dalam Pendidikan Seni Visual mengikut tahun. Dalam Carta 3, pengkaji mengambil contoh MRSM Muar, graf menunjukkan peratus pencapaian gred cemerlang dan kepujian dalam Pendidikan Seni Visual dalam SPM dari tahun 1998 hingga 2003.


GRAF 1

**BILANGAN PELAJAR MRSM YANG MENGAMBIL  
SUBJEK PENDIDIKAN SENI DARI TAHUN 1999  
HINGGA 2003**




GRAF 2

PENCAPAIAN PELAJAR MRSM DALAM SUBJEK  
PENDIDIKAN SENI MENGIKUT TAHUN DAN % GRED A  
(1A+2A)



**GRAF 3**



**Jadual 3. Bilangan Calon dan Peratus Pencapaian Pelajar Dalam PSV Dari  
MRSM Muar.**

Tahun	Bil. Ambil PSV	Bil. Dapat Cemerlang	Cemerlang	Kepujian
1998	34	24	70.6 %	29.4 %
1999	25	22	88.0 %	12.0 %
2000	41	28	68.3 %	31.7 %
2001	38	22	57.9 %	42.1 %
2002	49	22	44.9 %	55.1 %
2003	30	12	40.0 %	60.0 %

## 1.1 Kerangka Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan andaian bahawa pemilihan pelajar MRSM yang beraliran sains memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM adalah berkait dengan dua aspek iaitu : -

- ( i ) Asas Pemilihan
- ( ii ) Asas Keutamaan

Asas pemilihan di sini bermaksud pelajar yang memilih mata pelajaran yang di gemari atau yang diminati berdasarkan beberapa aspek. Manakala aspek asas keutamaan pula membawa maksud ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diperolehi daripada mata pelajaran ini amat penting kerana mempunyai kelebihan atau keistimewaan tersendiri.

Terdapat beberapa faktor penting yang dianggap boleh mempengaruhi pelajar MRSM iaitu seperti minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Mengikut Ee Ah Meng (1994), minat berkait dengan kecenderungan untuk melakukan sesuatu perkara iaitu lahir daripada sesuatu dorongan dan motivasi. Minat dapat dipupuk dengan melakukan aktiviti yang tertentu, hasilnya akan menjadi kesukaan kepada pelajar. Faktor kedua yang mempengaruhi pelajar adalah daripada aspek mempunyai cita-cita yang tinggi dalam bidang yang berkaitan dengan seni. Faktor ketiga ialah pelajar daripada aliran sains yang berminat dalam bidang seni, mempunyai kelebihan iaitu mereka mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Pendapat dari Jones ( 1972 ), menyatakan semua manusia dilahirkan dengan potensi untuk bersifat kreatif;



dan adanya persekitaran serta teknik-teknik yang sesuai, maka potensi ini dapat dikenali, dipupuk dan diukur, (Mazlan Mohamad, 1994 ).

Individu yang mempunyai kebolehan 'kreatif' biasanya mempunyai perasaan istimewa dan eksklusif kerana individu ini dianggap mempunyai kualiti sejati yang jarang dijumpai. Faktor lain yang ada kaitan dengan asas pemilihan ialah kemungkinan pelajar yang memilih Pendidikan Seni Visual sentiasa memperoleh keputusan cemerlang, keadaan ini secara tidak langsung memberi semangat, dorongan serta motivasi kepada mereka untuk menceburkan diri dalam bidang ini.

Jika kita lihat daripada aspek asas keutamaan pula, terdapat beberapa faktor lain yang dianggap boleh mempengaruhi pelajar MRSM seperti memperoleh ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran, serta membantu menambah keputusan gred cemerlang dalam SPM. Sebagai pelajar aliran sains yang berbakat, mereka berkemampuan untuk melahirkan idea yang kreatif dan unik kerana mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sekarang mempunyai hubungkait antara seni, sains dan teknologi, ini adalah kombinasi yang wujud dalam kehidupan era pasca moden kini.

Keutamaan pelajar MRSM memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah kerana bidang ini amat luas untuk diterokai dan mempunyai prospek kerjaya. Daripada kajian yang pernah dibuat terdapat antara 120 hingga 150 jenis pekerjaan di dunia ini yang bersangkutan dengan kemahiran bidang seni visual. Natiujahnya pelajar MRSM yang berbakat, sudah pasti

memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif yang bukan sahaja membantu menambah gred cemerlang mereka, tetapi pada masa yang sama dapat memupuk kreativiti serta kemahiran.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di MRSM bukanlah untuk melahirkan pelajar sebagai pelukis dan pereka. Matlamatnya ialah untuk mewujudkan warganegara yang berbudaya, khususnya individu yang imaginatif, kreatif, berpengetahuan dan peka terhadap ciri-ciri estetik. Dalam konteks pendidikan bersepadu mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bertujuan membolehkan pelajar menyedari, memahami, menikmati dan menghargai peranan seni sebagai satu keperluan dalam urusan hidup, hubungannya dengan kejadian alam, kaitannya dengan perkembangan Sains dan Teknologi, aplikasi dalam industri rekaan dan pembuatan, sumbangan dalam bidang keusahawanan dan ekonomi negara, peluangnya dalam kerjaya serta kesannya terhadap budaya kebangsaan, bidang komunikasi dan multimedia, rekreasi, alam persekitaran dan kehidupan seharian. Selain itu Pendidikan Seni Visual juga merangsang pelajar membuat dan menghasilkan sesuatu yang kurang baik kepada sesuatu yang lebih baik dan bernilai.

Bagi pelajar Tingkatan Lima yang berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, mereka dibenarkan mengambilnya untuk SPM sebagai mata pelajaran elektif. Pelajar yang terpilih mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ini adalah dalam kalangan pelajar yang telah melepasi beberapa syarat pemilihan seperti menunjukkan kesungguhan serta minat

dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan semester, serta boleh berdikari. Ini penting kerana mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di kebanyakan MRSM tidak dapat dimasukkan dalam jadual waktu rasmi persekolahan.

Pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM kebanyakannya pelajar yang cemerlang dalam subjek teras (wajib) yang lain, mereka mempunyai bakat serta kreatif, inovatif dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap mata pelajaran tersebut. Bagi mereka mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mempunyai disiplin yang tersendiri dan dapat mengurangkan tekanan berbanding subjek yang lain.

Apa yang menjadi masalah serta halangan bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk SPM ialah di kebanyakan MRSM mata pelajaran ini tidak dapat diajar secara formal, tidak dimasukkan dalam jadual waktu rasmi atas alasan tidak cukup waktu belajar pada waktu persekolahan. Ini disebabkan oleh jadual waktu yang padat dengan mata pelajaran lain yang lebih penting terutama dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Oleh itu, pelajar-pelajar yang membuat pilihan mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM terpaksa belajar sendiri di luar waktu persekolahan tanpa diurus secara rasmi. Guru Pendidikan Seni Visual pula terpaksa berkorban masa dengan mengajar di luar waktu persekolahan iaitu pada waktu kelas persediaan petang ( prep ) atau pun pada hari Sabtu, berdasarkan waktu lapang pelajar. Pelajar-pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM mempunyai masa yang amat

terhad dalam menyiapkan hasil kerja seni mereka, akibatnya pelajar kerap membuat kerja pada saat-saat akhir sebelum peperiksaan atau sebelum tarikh akhir penghantaran.

Apabila pelajar aliran sains ingin mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM, maka timbul persoalan, kenapakah pelajar tersebut minat mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM sedangkan mereka akan menghadapi banyak masalah serta halangan yang mungkin membantut keinginan untuk mempelajari bidang ini.? Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat sebab-sebab asas pelajar-pelajar MRSM yang beraliran sains minat mempelajari Pendidikan Seni Visual seterusnya mengambil mata pelajaran ini untuk SPM, di samping untuk mengetahui hubungan antara asas pemilihan dengan faktor-faktor yang mendorong minat pelajar ini. Di samping itu juga pengkaji ingin melihat apakah kaitan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap pemilihan Pendidikan Seni Visual dan apakah kaitan asas pemilihan dengan sikap kerjaya pelajar yang memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran pilihan mereka dalam peperiksaan SPM.

### **1.3 Objektif Kajian**

Oleh itu kajian ini dijalankan bertujuan :-

A . Melihat sebab-sebab asas bagi pelajar MRSM memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan SPM.

B. Mengetahui hubungan antara asas pemilihan dengan faktor-faktor yang mendorong minat pelajar MRSM ini mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk peperiksaan SPM.

C. Mengetahui perkaitan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap pemilihan Pendidikan Seni Visual.

D. Melihat perkaitan asas pemilihan dengan sikap kerjaya pelajar yang memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

#### 1.4. Soalan Kajian

Untuk itu bagi mengkaji masalah tersebut pengkaji telah menetapkan beberapa soalan kajian iaitu :-

1. Apakah asas bagi pelajar MRSM memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ?
2. Apakah hubungan antara asas pemilihan dengan faktor-faktor yang mendorong minat pelajar MRSM ini mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia?

3. Apakah perkaitan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap pemilihan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ?
4. Apakah perkaitan asas pemilihan dengan sikap kerjaya pelajar yang memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk Sijil Pelajaran Malaysia ?

### **1.5. Signifikan Kajian**

Pendidikan Seni Visual perlu dianggap sebagai satu mata pelajaran yang penting dan setanding kedudukannya dengan mata-mata pelajaran lain seperti Matematik, Sains, Sejarah dan sebagainya. Bukti mengenai pentingnya bidang Pendidikan Seni Visual ini dapat dilihat daripada perkembangan perindustrian dewasa ini yang melibatkan seni dan reka bentuk; seperti industri kereta nasional, pengiklanan digital multimedia, pelancongan, barang-barang perhiasan, senibina, perabot dan lain-lain lagi.

Melalui kajian ini, pengkaji berharap akan dapat memberi kesignifikan serta kesedaran kepada pihak-pihak tertentu terutama pelajar, guru-guru, ibu bapa dan pentadbir sekolah. Melalui kajian ini juga dapat diketahui apakah asas utama pelajar MRSM memilih Pendidikan Seni Visual untuk SPM sedangkan mereka mempunyai pilihan untuk mempelajari mata pelajaran lain yang lebih berfaedah. Terdapat beberapa andaian atau kemungkinan yang dilihat daripada beberapa aspek tertentu seperti minat semula jadi pada bidang seni, pengajaran guru Pendidikan Seni Visual, galakan dan dorongan guru,

prospek kerjaya dan seterusnya untuk memperoleh ilmu dan kemahiran. Peluang harus diberi kepada pelajar aliran sains yang berbakat dan minat serta kreatif untuk mengembangkan minda mereka melalui bidang seni visual.

Dalam Pendidikan Seni Visual perkembangan individu dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani diberi keutamaan. Perkembangan nilai ini selaras dengan kehendak kerajaan untuk melahirkan generasi yang bijaksana, kreatif dan beretika demi mendukung aspirasi negara ke arah sebuah negara perindustrian yang membangun, lantas memelihara, memperkembangkan serta menyalurkan kesenian kebangsaan negara ke arah suatu identiti yang dibanggakan. Pembentukan personaliti yang baik melalui karya-karya seni mampu melahirkan individu yang berbakat dan profesional.

#### **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya ditumpukan pada pelajar MRSM yang sedang menuntut di Tingkatan Lima yang mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM 2004. Jumlah pelajar MRSM yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM tahun 2004 di seluruh Malaysia ialah 150 calon sahaja dan ini adalah jumlah yang kecil kalau dibandingkan dengan jumlah maktab yang mempunyai pelajar Tingkatan 5 di seluruh Malaysia iaitu 27 buah. Ini disebabkan pada tahun ini mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam kertas SPM menggunakan format pentaksiran baru iaitu mewajibkan kertas Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) selain kertas

pilihan yang lain. Oleh itu pengkaji menghadapi masalah untuk mendapat responden yang ramai sekiranya ditumpukan pada sebuah MRSM sahaja.

Dalam menjalankan kajian ini, kemungkinan terdapat beberapa masalah dan sekatan yang akan dihadapi yang mungkin akan mengganggu perjalanan kajian, seperti kurang mendapat kerjasama daripada guru Pendidikan Seni Visual kerana mereka dibebankan dengan tugas-tugas lain, juga untuk mendapat jumlah sampel yang ramai di sesebuah MRSM kerana pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual di sesebuah MRSM amat sedikit. Kedudukan atau lokasi sesebuah MRSM merupakan satu halangan kerana terletak agak jauh antara satu MRSM dengan MRSM yang lain, memerlukan banyak masa dan tenaga. Bagi MRSM yang terletak jauh dan calonnya sedikit soal selidik kajian akan diposkan ke MRSM berkaitan dan ini mengambil masa yang agak lama untuk mendapat respon dan kemungkinan untuk mendapat balik semua jawapan soal selidik amat tipis kerana kajian yang dihantar melalui pos sukar diramalkan.

### **1.7. Definisi Kajian**

Untuk tujuan kajian ini, definisi istilah perkataan atau rangkai kata dihuraikan seperti berikut :-

‘Pemilihan’ mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), bermaksud diberi pilihan untuk menentukan mata pelajaran yang diminati dan sesuatu yang berfaedah atau berguna bagi mereka. Oleh itu, dalam kajian ini pelajar



membuat pilihan sendiri berdasarkan mata pelajaran yang diminati serta mempunyai bakat dalam bidang yang dipilih.

‘Pendidikan Seni Visual’ dalam kajian ini merujuk kepada salah satu mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Definisi Pendidikan Seni Visual dirujuk sebagai usaha yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran membuat dan memahami seni. Seni yang dimaksudkan ialah seni visual yang meliputi catan, arca, senibina, kraf, reka bentuk industri, fotografi, multimedia, filem, seni komputer serta cabang-cabang seni yang lain yang termaktub dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual (2000).

Mata pelajaran ‘Elektif ‘ mengikut kamus *Oxford Fajar Advanced Learner’s* (2001), bermaksud kursus atau mata pelajaran pilihan yang diikuti di sekolah atau di maktab. Oleh itu dalam kajian ini mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran elektif untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

‘Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM )’ dalam kajian ini merupakan peperiksaan kebangsaan yang utama, yang ditadbir secara berpusat dengan elemen penilaian kerja kursus yang ditadbir oleh sekolah dan diambil pada akhir pendidikan sekolah menengah.

‘Pelajar’ dalam kajian ini merujuk pada pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini iaitu pelajar Tingkatan Lima yang mengambil

Pendidikan Seni Visual untuk SPM tahun 2004 yang sedang menuntut di Maktab Rendah Sains MARA .

‘Maktab Rendah Sains MARA’ atau nama singkatannya MRSM merupakan sebuah institusi pendidikan berasrama penuh aliran sains dan dikategorikan sebagai sekolah cemerlang atau berkesan kerana pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah ini merupakan pelajar yang terpilih kerana kecemerlangan akademik mereka dalam UPSR dan PMR. Didirikan oleh pihak kerajaan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat ( MARA, 1966 ), di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

‘Asas keutamaan ‘ dalam kajian ini merujuk kepada keutamaan pelajar memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai subjek elektif. Dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), keutamaan bermaksud kelebihan daripada yang lain-lain iaitu tempat yang utama atau penting. Oleh itu, dalam kajian ini bermaksud sebab mata pelajaran Pendidikan Seni Visual menjadi keutamaan adalah kerana mempunyai keistimewaan tersendiri.

‘Kerjaya’ dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), memberi maksud profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah. Dalam kajian ini kerjaya ditujukan pada pemilihan kerjaya pelajar yang bersangkutan dengan bidang yang diminati.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.0. Pengenalan

Bab ini, membincangkan beberapa perkara mengenai tajuk kajian iaitu “Pemilihan Pendidikan Seni Visual (PSV) Sebagai Mata Pelajaran Elektif Dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Oleh Pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)”. Perbincangan akan lebih tertumpu pada pendapat dan hasil kajian lampau dari dalam negara atau luar negara. Antara aspek yang ditinjau adalah yang berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual iaitu model kurikulum Pendidikan Seni Visual, kepentingan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Seni Visual di Malaysia dan asas pemilihan Pendidikan Seni Visual.

#### 2.1 Model Kurikulum Pendidikan Seni Visual

Terdapat beberapa Model Kurikulum Pendidikan Seni Visual yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Pendidik dari luar negara antaranya ialah :-

1. **Model Pendidikan Seni Read ( 1943 )**, terdapat 3 aktiviti dalam Pendidikan Seni iaitu ;
  - a) Aktiviti ekspresi diri iaitu individu perlu menyatakan pemikiran, rasa dan emosinya kepada orang lain.
  - b) Aktiviti pemerhatian yang melibatkan keinginan individu dalam merakamkan impresi deria, menjelaskan pengetahuan konsepnya,

membina ingatan dan membentuk perkara-perkara yang boleh membantu aktiviti praktikal.

c) Aktiviti apresiasi kerana adanya tindak balas individu terhadap mod ekspresi yang diajukan kepadanya serta tindak balas individu kepada nilai dan fakta alam melahirkan reaksi kualitatif dan kuantitatif mengakibatkan aktiviti a & b.

## **2. Model Pendidikan Seni yang dikemukakan oleh Eisner dan Allison**

(1972), kedua-duanya mengasaskan model kepada domain pembelajaran. Eisner membentuk tiga kategori pembelajaran seni iaitu produktif, kritikal dan budaya. Manakala Allison mengenal pasti empat domain iaitu ekspresif atau produktif, perseptual, analitikal atau kritikal dan sejarah atau budaya. Eisner menghuraikan domain produktif sebagai melibatkan kegiatan pembikinan bentuk-bentuk seni serta mengambil kira aspek kemampuan memerhati dan berimajinasi di samping aspek keupayaan menggayakan bahan yang berfungsi sebagai media ekspresi.

Dalam domain persepsi oleh Allison mementingkan aspek pembentukan kemahiran melihat, merasa dan memahami bentuk, warna dan tekstur unsur persekitaran sebagai sebahagian daripada pengalaman asas estetik. Dalam domain analitikal atau kritikal Eisner melihat aspek ini sebagai keupayaan yang dapat dibangkitkan melalui keseronokan, pengalaman dan komunikasi bentuk seni, manakala Allison melihatnya sebagai memerlukan kemampuan menganalisis,

menterjemah dan menilai kualiti estetik. Dan, yang akhir sekali Model Eisner dan Allison dalam domain sejarah atau budaya ialah ( Eisner ), menekankan aspek penghayatan lisan tentang budaya, manakala Allison menegaskan tentang aspek budaya yang tidak semestinya dikupas melalui mod pembelajaran yang lain. Namun ia mengutamakan usaha mengenal, meningkat kesedaran dan memahami nilai warisan dan budaya.

### **3. Model Majlis Sekolah ( Schools Council , 1978 ).**

Model Majlis Sekolah tidak mengasingkan ‘pendidikan untuk seniman’ daripada ‘pendidikan individu dalam apresiasi seni ( lihat Read, Allison ), menyatukan kerja-kerja ekspresi sekaligus dengan apresiasi yang diperoleh melalui: perakaman dan analisis (aktiviti objektif) ; dan komunikasi dan ekspresi (aktiviti subjektif).

### **4. Model Barrett (1979),** dalam model ini terdapat beberapa aspek seperti :-

- a) Peribadi dan konseptual di mana menekankan aspek seni yang beroperasi melalui sensasi, emosi, imbauan, asosiasi dan inferen.
- b) Operasional iaitu berkaitan dengan memanipulasikan bahan persekitaran melalui kemahiran teknik yang sesuai supaya unsur-unsur konseptual terpancar melalui bahan.
- c) Sintetik iaitu mengambil kira aspek seni yang berkait dengan unsur visual seperti yang dipersepsikan seperti garisan, ton, warna, corak,

tekstur dan bentuk. Ini dijelaskan sebagai kefahaman bersepadu tentang dunia luaran.

#### **5. Model Chapman (1982), / Rasional Pengajaran Seni**

Dalam Model Chapman membezakan antara Fungsi Pendidikan Umum dengan Matlamat Pendidikan Seni. Dalam Fungsi Pendidikan Umum menggalakkan kepuasan diri ( self-fulfillment ), melanjutkan warisan budaya dan membina kesedaran sosial di kalangan remaja. Manakala dalam Matlamat Pendidikan Seni pula menggalakkan kepuasan diri melalui pengalaman seni, melanjutkan apresiasi terhadap nilai seni budaya dan membentuk kesedaran tentang peranan seni dalam masyarakat.

#### **6. Pendidikan Seni Berasaskan Disiplin ( Discipline-Based Art Education – DBAE, 1987 ) : Menjana Perkembangan Kefahaman Terhadap Seni**

Dalam DBAE menggunakan empat disiplin utama seni iaitu penghasilan seni, estetik, sejarah seni dan kritikan seni dalam struktur kurikulum dan pengajarannya. Matlamat DBAE adalah untuk menjana perkembangan kefahaman terhadap seni serta untuk mengwujudkan satu program pengajaran seni secara meluas yang membawa kepada pengetahuan tentang seni, kefahaman tentang penghasilannya dan daya apresiasi tentang ciri-ciri estetik seni dan objek-objek lain.

Manakala kandungan terbahagi kepada empat disiplin iaitu estetik – ciri dan nilai seni, kritikan seni – pertimbangan tentang seni, sejarah seni – konteks budaya atau sejarah, dan akhir sekali penghasilan seni – teknik untuk ekspresi. Dari segi rasional DBAE seni merupakan satu unsur penting dalam pendidikan, tanpanya manusia tidak mampu untuk turut serta dalam wacana pendidikan secara menyeluruh. Mempelajari seni membawa kepada memperoleh gedung imej yang menjadi asas kepada banyak aspek kefahaman, termasuk imej yang menjadi asas bahasa dan puisi. Sebagai satu unsur pendidikan, seni dapat menyediakan teropong atau struktur untuk kita berfikir.

Kurikulum pula ditulis secara berurutan, kumulatif, tersusun dan meluas pelaksanaannya. Akhir sekali dilihat dari segi konteksnya DBAE diwujudkan sebagai satu kurikulum umum yang berinstitusi yang memerlukan penglibatan pasukan daripada berbagai-bagai peringkat (guru, guru pakar, pengetua, jemaah pengurus, penguasa sekolah dan pentadbir) untuk terus menyumbangkan maklumat, penilaian, bahan dan sokongan bagi memperkayakan sumber.

## **2.2 Kepentingan Pendidikan Seni Visual**

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual selalu dikaitkan dengan kreativiti. Kreativiti dalam Pendidikan Seni Visual mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan idea, perasaan, pemikiran pengalaman dan keinginan seseorang dalam penerokaannya dengan bahan, media, teknik

dalam persembahan melalui penerokaan dan memanipulasikan idea dalam penghasilan sesuatu yang baru. Beberapa kaedah perlu diwujudkan dalam suasana pembelajaran secara kreatif dan inovatif di kalangan pelajar-pelajar antaranya ialah persoalan, pemerhatian, percubaan, penemuan, manipulasi dan penerokaan semasa menjalankan aktiviti.

Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, pelajar berupaya menghasilkan sesuatu ciptaan idea yang baru bagi memperbaharui ciptaan yang sedia ada, dengan itu pelajar haruslah mempunyai daya kreativiti yang tinggi untuk mendapat ilham serta idea yang unik. Kreativiti membawa maksud menghasilkan sesuatu yang baru. Kamus Dewan Edisi Ketiga (1993) memberi maksud kreativiti sebagai kemampuan (kebolehan) mencipta daya kreatif, kekreatifan. Mengikut Victor Lowenfeld (1975), kreativiti adalah suatu naluri (instinct) semula jadi sejak lahir yang dimiliki oleh setiap insan. Naluri itu adalah faktor pertama digunakan bagi menyelesaikan atau membuat pernyataan tentang masalah kehidupan. Gilchrist pula mengatakan, kreativiti adalah keupayaan menghasilkan sesuatu yang baru dan bernilai sama ada maujud atau pun tidak – (Leonard Yong, 1994).

Kreativiti penting kepada generasi sekarang dan adalah salah satu unsur yang diberi penekanan dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Oleh itu, Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran yang sering dikaitkan dengan kreativiti wajar memainkan peranan yang penting dalam



menyemai dan memupuk kreativiti di kalangan pelajar dalam apa jua situasi dan keadaan.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dilihat dari sudut estetik yang memberi makna kepada seseorang individu kerana menurut ;  
John Dewey – seni adalah suatu pengalaman yang paling bermakna, menyeluruh dan mencukupi dan tambahan katanya lagi ;

*“Its is a union of sense, mood, impulse and action characteristic of the live creature.”*

Apabila seseorang itu mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, seseorang itu akan dapat menikmati keindahan alam yang dicipta Tuhan, menghargai kecantikan dari alam semulajadi atau dari hasil kerja sendiri atau dari hasil kerja orang lain dan seterusnya dapat hidup dalam suasana harmoni.

Kurikulum Pendidikan Seni Visual melibatkan perasaan estetik, daya kreativiti pelajar melalui penjanaan daya intuisi, persepsi dan konsepsi, di samping dapat menwujudkan rasa kepuasan dan kesedaran terhadap bakat serta kemampuan diri pelajar. Pelajar yang mengikuti program Pendidikan Seni Visual mempunyai sifat peka, sensitiviti gila-gila, sukar dijangka dan kecenderungan membuat penilaian diri bagi memperbaiki kelemahan. Individu mempunyai sifat-sifat tersebut sejak kanak-kanak yang memiliki personaliti yang menarik. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual berupaya membina dan menanam nilai-nilai

murni menerusi proses pembelajaran dan pengajaran ( Panduan Nilai, Sukatan Pelajaran, 1988).

Pendidikan Seni Visual mampu meningkat kualiti berfikir pelajar. Melalui mata pelajaran Pendidikan Seni Visual pelajar dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, pemikiran kritis adalah suatu proses pemikiran yang tinggi daripada segi analisis situasi, mengenal pasti masalah, mengumpul maklumat dapat memberi pendapat dan membuat kritikan. Dalam proses kritikan dapat melihat bagaimana seseorang pelajar menggunakan kemahiran pemikiran yang memberi maklumat yang berkesan. Dalam karya seni, pemikiran kritis amat penting dan pemikiran kritis tidak boleh dibuat dalam keadaan pelajar itu tidak mempunyai ilmu pengetahuan disebabkan pemikiran kritis memerlukan operasi mental dan kemahiran kognitif.

Pentingnya kajian ini dilihat dari sudut sosiologi pula, iaitu pendapat oleh Hauser (2002), dalam artikelnya bertajuk "*The Totality of Life and the Totality Of Art* ", pendapat beliau yang menyatakan bahawa seni dan sains sangat berkait rapat dengan dunia realiti kerana mengambil kira penyelesaian masalah yang wujud dari sesuatu tugas dan aspek tuntutan hidup dalam dunia yang serba mencabar ini. Daripada kenyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa tidak menjadi kerugian atau kerumitan bagi pelajar jurusan sains mempelajari seni atau mengaplikasikan pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam proses

pembelajaran mereka kerana dirasakan dapat merehatkan minda malah dapat meningkatkan daya kreativiti mereka.

### 2.3 Pendidikan Seni Visual di Malaysia

Dalam konteks Pendidikan Seni secara umum, Edmund Burke Feldman (1996), mengatakan, *“Art education is an enterprise that encompasses teaching and learning to make and understand art, as well as finding out about the world and ourselves through art.”*

Seni yang dimaksudkan di sini adalah seni visual yang merangkumi catan, lukisan, arca, seni dan komunikasi. Kraf tradisional, rekabentuk industri, grafik multimedia, fotografi, filem, seni bina, seni komputer dan lain-lain cabang seni. Disiplin ini mengkaji fungsi dan bentuk setiap objek yang dihasilkan.

Sementara huraian yang lebih khusus disampaikan oleh John A. Michael yang menyatakan ;

*“Art education as we perceive it today, means*

- 1) a concern for students – their needs values, personal/social considerations, intellect, emotional stability, perceptual and aesthetic sensitivity, talent, skills, creativity, and attitude ;*
- 2) a concern for the field of art – media, processes, methods, artists art in society (culture), art goals and purposes, art history and criticism ;*

3 ) *and a concern for teaching – objectives, curriculum, theory/philosophy, methodology, evaluation, school organization, the community, and environment.*”

Pendapat tokoh-tokoh di atas secara dasarnya mendefinisikan Pendidikan Seni Visual sebagai berikut ;

- suatu proses pengajaran dan pembelajaran untuk memahami seni, dunia dan diri sendiri melalui seni.
- proses melibatkan tiga aspek iaitu pelajar dari aspek nilai dan keperluan, pertimbangan peribadi dan sosial, intelek, emosi, kestabilan, kepekaan persepsi dan estetik, bakat kemahiran, kreativiti dan sikap ;
- aspek kedua adalah bidang seni yang melibatkan media, proses, kaedah, artis, budaya, matlamat dan tujuan seni, sejarah dan kritikan seni ;
- aspek terakhir melibatkan pengajaran iaitu objektif, kurikulum, teori, falsafah, metodologi, penilaian, organisasi sekolah, komuniti dan persekitaran.

Dalam konteks Pendidikan Seni Visual untuk sekolah di Malaysia terdapat sepuluh objektif seperti tercatat di dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (2000).

Objektif bertujuan untuk :

1. menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan,
2. memupuk budaya penyelidikan dalam proses penghasilan karya seni visual,

3. meningkatkan pengetahuan, daya kreativiti, inovasi, disiplin serta kemahiran dalam bidang seni visual yang dapat diamalkan dalam kehidupan dan kerjaya,
4. menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik dan teknologi untuk mereka cipta barangan kraf dan produk seni visual yang berkualiti,
5. membuat diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian terhadap karya seni visual,
6. mendapat nilai tambah dalam disiplin sains, teknologi dan mata pelajaran lain,
7. menghargai sumbangan dan pengaruh tokoh-tokoh seni visual dalam konteks perkembangan sejarah seni visual di Malaysia dan antarabangsa,
8. menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya,
9. menyedari dan menghargai suasana seni dalam persekitaran dan kaitan dengan keselesaan hidup, dan
10. membina jati diri ke arah pembentukan negara bangsa.

Objektif di atas disusun berasaskan model kognitif (Bloom,1993), dan ( Lansing, 1971), yang membahagikan kepada tiga kategori berdasarkan domain iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor.

Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah telah disusun semula berdasarkan kandungan yang dibahagikan kepada Penghasilan Seni Visual serta Sejarah dan Apresiasi Seni Visual. Kedua-dua bidang ini dapat membantu pelajar dalam menguasai pelbagai kemahiran. Antara kemahiran yang akan dikuasai melalui mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ialah

kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi secara berkesan, kemahiran membuat pilihan dan keputusan tepat, kemahiran mencari, menginterpretasi dan mengaplikasi maklumat, kemahiran berkerjasama dan kemahiran pengurusan.

1. Penghasilan Seni Visual – adalah kegiatan kreatif yang melibatkan benda-benda yang dapat disentuh, dilihat dan diimajinasi bagi menggalakan perkembangan persepsi dan daya intuisi. Dengan ini juga diharapkan fahaman nyata dan abstrak dapat diselaraskan dan pemupukan minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat dikembangkan.
2. Sejarah dan Apresiasi Seni Visual – memberi tumpuan kepada pengalaman seni dalam kehidupan harian dan dalam budaya kebangsaan. Perbandingan dengan seni dan budaya luar juga digalakkan bagi memperlihatkan keseimbangan pendedahan dalam bidang seni visual termasuk kraf kebangsaan demi mengenali seni visual dalam evolusi budaya kebangsaan.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual guru memainkan peranan penting dalam mengintegrasikan kedua-dua bidang ini. Oleh itu dalam penghasilan seni visual, kegiatan seni harus melibatkan penerokaan, pewujudan idea, perkembangan idea, pembelajaran secara terancang, penggunaan teknologi, alat dan bahan melalui teknik tertentu.

Semua kegiatan seni mengutamakan kajian-kajian sebelum, semasa dan selepas proses penghasilan bertujuan menerapkan budaya penyelidikan di kalangan pelajar. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dijalankan dalam bentuk teori dan praktikal tetapi pendekatannya bergantung kepada kebijaksanaan guru untuk mengendalikannya dengan meliputi tiga domain pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Teori-teori Pendidikan Seni Visual membantu dalam memahami kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam menangani isu pendidikan khasnya Pendidikan Seni Visual. Seni yang dianggap mudah dan kurang kepentingannya dalam kehidupan sesungguhnya mampu menjadikan seseorang itu insan yang seimbang dari segi emosi, rohani, jasmani dan intelek selara dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan negara ini.

#### **2.4. Asas Pemilihan Pendidikan Seni Visual**

Seperti yang telah dinyatakan, sukatan Pendidikan Seni visual mengandungi beberapa aspek pendidikan. Seterusnya sejauhmana pemilihan pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual dan dipengaruhi oleh matlamat di atas.

Dalam kajian ini pengkaji cuba melihat asas pemilihan dikaitkan dengan beberapa perkara iaitu dari segi ciri-ciri pelajar dan faktor pemilihan.

Dari segi ciri-ciri pelajar dikaitkan dengan dua aspek iaitu; aliran dan memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan lepas. Manakala dari segi faktor atau sebab pemilihan dikaitkan dengan cita-cita dan tahap minat.

Aliran - pelajar aliran sains lebih 'kreatif' biasanya mempunyai perasaan istimewa dan eksklusif kerana dianggap mempunyai kualiti yang sejati yang jarang dijumpai. Kebanyakan mereka mempunyai daya imaginasi yang luar biasa serta inovatif dalam mencipta sesuatu rekaan dan boleh berdikari tanpa bantuan dari guru. Idea-idea mereka selalunya unik.

Keputusan cemerlang – pelajar yang memilih Pendidikan Seni Visual sentiasa memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan semester ini secara tidak langsung memberi semangat serta motivasi untuk terus mempelajari bidang ini. Dengan memperoleh keputusan cemerlang akan membantu mereka dalam prospek kerjaya serta memenuhi syarat masuk ke pusat pengajian tinggi dalam bidang yang di minati.

Tahap minat – pelajar ini mempunyai tahap minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Minat yang tinggi terhadap mata pelajaran ini menjadi faktor utama mereka memilih bidang ini untuk diperluaskan skop pengetahuan mereka .

Cita-cita - disebabkan tahap minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual maka pelajar memilih bidang kerjaya yang diminati berkaitan dengan seni atau yang mempunyai hubungkait



dengan cita-cita mereka. Walau bagaimanapun tidak semua pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual mempunyai cita-cita berkaitan dengan seni, mereka mengambil mata pelajaran ini mungkin sebagai hobi atau dapat membuat kerja sampingan. Seperti yang telah diterangkan mempelajari Pendidikan Seni Visual dapat merehatkan minda, memupuk dan meningkatkan kreativiti serta memperkembangkan kemahiran.

Selain daripada aspek –aspek di atas, terdapat juga faktor-faktor lain yang berkaitan asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual seperti yang berkait dengan ; -

#### **1. Minat dan Motivasi**

Dalam proses pembelajaran di bilik darjah guru memainkan peranan penting dalam menaikkan semangat dan minat dan mewujudkan motivasi di kalangan pelajar dengan memberi bimbingan, latihan, penegasan sesuai dengan keperluan pelajar. Minat yang timbul dalam diri pelajar kemungkinan besar adalah minat semula jadi atau dicungkil oleh guru semasa proses pembelajaran dan pengajaran.

Menurut Intan Zuraini Abdul Razak (1996), minat penting untuk mencipta kejayaan. Minat yang mendalam sangat penting untuk mencapai kejayaan, sama ada dalam bidang seni atau pun bidang sains yang amat mencabar. Berbekalkan minat sebarang kesukaran akan dapat di atasi dengan mudah. Guru yang bijaksana akan dapat menyelaraskan fahaman nyata dan abstrak dikalangan pelajarinya, memupuk dan

memperkembangkan minat mereka pada mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Menurut pendapat Md. Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan (2003), dalam strategi pengajaran, motivasi adalah kunci utama guru seni. Kritikan dan pendapat guru seni amat penting bagi memotivasikan pelajar-pelajar menjadi lebih kreatif menghasilkan karya seni. Ini adalah cara bagi mewujudkan suasana ceria dan sekali gus menarik minat pelajar-pelajar.

## **2. Disiplin**

Dalam Pendidikan Seni Visual disiplin bermaksud satu cabang ilmu pengetahuan yang mencakupi perkara-perkara kelompok bagi bidang yang direka khas untuk memudah cara pembelajaran dengan kaedah yang sistematik. Melalui mata pelajaran Pendidikan Seni Visual pelajar akan memperoleh berbagai-bagai bentuk ilmu pengetahuan yang berguna. Dalam disiplin seni, Chapman (1985) memperkatakan bahawa tiga perkara perlu ditekankan, yakni ekspresi dan tindak balas sendiri dalam seni, karya warisan yang artistik dan peranan seni dalam masyarakat atau persekitaran. Oleh itu, menurut Chapman lagi, disiplin seni adalah dianggap satu tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran seni di sekolah iaitu bermula dengan tumpuan kepada ekspresi pelajar dan seterusnya mengembangkan kemahiran seni dalam lukisan, catan, cetakan, kraf dan lain-lain.

Dalam Pendidikan Seni Visual pelajar dapat mempelajari empat disiplin dasar iaitu estetika, penghasilan seni atau produk seni, kritikan seni dan sejarah seni yang akan menggabungkan beberapa disiplin seni visual yang lain seperti seni grafik, reka bentuk industri, seni tekstil dan disiplin ilmu dalam sains dan teknologi, multimedia serta lain-lain. Aktiviti menghasil produk seni membantu pelajar berfikir secara bijaksana untuk mencipta imej-imej visual, membantu pelajar belajar mencipta imej yang mempunyai tenaga ekspresif, koheren, celik akal (insight) dan pandai mencipta (ingenuity). Kritikan seni pula dapat membantu keupayaan pelajar melihat, membuat pemerhatian yang teliti, ini boleh membina kualiti yang lebih bererti tentang dunia persekitarannya.

Aspek disiplin sejarah seni pula membantu pelajar tentang hubungan antara karya seni atau hasil-hasil peninggalan seni dengan dimensi masa, ruang, manusia dan seniman serta pemikiran mereka. Justeru membolehkan pelajar memahami bentuk-bentuk tamadun merentasi dimensi masa dan ruang serta bangsa secara perbandingan. Manakala disiplin estetika pula merupakan satu disiplin yang berkaitan dengan asas-asas teori untuk menilai kualiti sesuatu yang kita lihat serta menyedari, memahami apa yang dikatakan keindahan. Dengan itu mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bertujuan untuk mengembangkan keupayaan pelajar menangani masalah bagi keempat-empat disiplin yang di kemukakan.

### 3. Akademik

Pelajar yang menjadikan Pendidikan Seni Visual sebagai asas keutamaan merasakan bahawa mata pelajaran tersebut setanding dengan mata pelajaran lain kerana mata pelajaran ini bertujuan untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang membolehkan mereka menyediakannya sebagai asas kerjaya dan segala kemahiran dan ilmu yang diperoleh amat berguna dan berfaedah.

Adnan Khamis (1986), menyatakan sikap pelajar terhadap mata pelajaran bukan sahaja menentukan usaha, kerja keras tapi juga pencapaian akademiknya. Tidak dapat dinafikan salah satu objektif pembelajaran ialah untuk menambahkan minat dan sikap positif pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Pendapat dari Naele (1970) pula, menegaskan bahawa sikap positif pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran akan memberi kesan motivasi terhadap diri mereka. Dalam erti kata lain pelajar yang menyukai sesuatu mata pelajaran akan bersungguh-sungguh berusaha serta memberi komitmen yang tinggi terhadap mata pelajaran yang diminati.

Selain daripada mempelajari sejarah seni, menghasilkan produk seni dengan menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik dan teknologi untuk mereka cipta pelajar, akan memperolehi kemahiran lain seperti mempelajari penggunaan bahan teknologi terkini; Pendidikan Seni Visual memberi pendedahan kepada pelajar berkemahiran

menggunakan teknologi ICT selaras dengan perkembangan teknologi untuk komunikasi visual di pasaran kini. Dengan mendedahkan pelajar kepada penggunaan teknologi ICT, proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih seronok dan ceria ini secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar.

#### **4. Prospek Kerjaya**

Melahirkan tenaga mahir adalah satu lagi matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. Pendidikan Seni Visual setanding dengan mata pelajaran lain bertujuan untuk menyediakan pelajar-pelajar menengah atas dengan ilmu dan kemahiran yang membolehkan mereka menjadikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi sebagai asas kerjaya. Dalam KBSM di peringkat menengah atas, tinjauan dan penekanan adalah pada pengetahuan dan kemahiran yang lebih meluas, mencabar dan mendalam sebagai langkah ke arah menyediakan kepakaran dalam proses pembangunan negara. Pada peringkat ini terdapat mata pelajaran elektif yang ditawarkan untuk pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang diminati seterusnya memilih kerjaya yang sesuai dengan minat mereka.

Menurut Super (1957), pemilihan kerjaya adalah penting kerana kerjaya adalah yang akan menentukan kegiatan utama dan cara hidup seseorang. Oleh yang demikian, faktor utama atau persediaan yang perlu ada sebelum membuat pemilihan kerjaya ialah minat.

Pemilihan sesuatu kerjaya itu bergantung kepada minat seseorang terhadap sesuatu mata pelajaran dan seterusnya ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut. Selain itu terdapat juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi minat. Menurut beberapa orang ahli teori perkembangan kerjaya seperti Hollingshead (1949), Dan Roe (1954), Holland (1966) dalam Khairani (1999) menyatakan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan sesuatu kerjaya iaitu : -

- a. Bakat dan kebolehan dalam bidang-bidang tertentu,
- b. Minat,
- c. Personaliti yang meliputi konsep diri, nilai dan kehendak.

Minat terhadap pemilihan kerjaya ini pula menurut Tolbert (1974), membawa maksud keinginan dan kecenderungan seseorang terhadap aktiviti-aktiviti serta tugas yang berhubung dengan pekerjaan. Selain daripada minat terhadap sesuatu kerjaya oleh personaliti seseorang yang telah berjaya juga memaikan peranan. Sebagai contoh ahli keluarga atau rakan-rakan yang telah berjaya, atau kerjaya seseorang yang terkenal dan pelajar ingin mengikut jejak langkah mereka.

Justeru, guru perlu memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar yang berbakat agar dapat meneruskan cita-cita dalam bidang kerjaya yang diminatinya. Guru perlu menerangkan prospek kerjaya tersebut kepada pelajar dan bagaimana untuk menentukan sama ada sesuatu kerjaya itu sesuai dengan minat dan kebolehan mereka.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Dalam sesuatu kajian, metodologi atau kaedah kajian yang dipilih adalah penting untuk mencapai satu keputusan yang sah dan boleh dipertanggungjawabkan. Metodologi yang digunakan akan membolehkan soalan-soalan kajian terjawab. Bab ini menjelaskan kaedah pengumpulan data meliputi perkara-perkara seperti sampel kajian, reka bentuk kajian, prosedur kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, dan analisis data.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 60 item yang dibahagikan kepada 2 bahagian. Soal selidik diedarkan kepada sampel untuk dijawab bagi mendapat maklum balas.

#### 3.1 Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada pelajar Maktab Rendah Sains MARA yang sedang menuntut di Tingkatan Lima dan mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk peperiksaan SPM 2004. Populasi pelajar Maktab Rendah Sains MARA yang mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM 2004 di seluruh MRSM di Malaysia ialah seramai 150 pelajar sahaja.

Setiap satu MRSM mempunyai jumlah yang kecil calon mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM tahun ini disebabkan PSV pada tahun ini menggunakan format pentaksiran baru dalam Kertas Tiga iaitu mewajibkan semua calon mengambil Kajian Rekaan Seni Visual (2611/3). Pengkaji mendapati bahawa sebahagian daripada guru PSV yang mengajar di MRSM adalah terdiri daripada guru yang baru serta kurang pengalaman dan belum menghadiri kursus sepenuhnya mengenai format baru tersebut .

Memandangkan lokasi serta kedudukan Maktab Rendah Sains MARA bertaburan dengan jumlah calon yang tidak ramai di sesebuah MRSM, maka pengkaji membuat keputusan untuk pergi ke MRSM yang mempunyai jumlah calon yang ramai sahaja, iaitu yang mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM kerana faktor kekangan masa yang terhad. Manakala MRSM yang mempunyai jumlah calon yang sedikit, pengkaji mengedarkannya melalui pos. MRSM yang mempunyai calon yang ramai ialah MRSM Beseri, Perlis 34 calon, MRSM Muar 32 calon dan MRSM Terendak, Melaka 5 calon sahaja.

Maktab Rendah Sains MARA tersebut di atas dipilih berdasarkan sebab-sebab berikut :-

- i. Mempunyai jumlah responden yang ramai mengambil PSV untuk SPM bagi tahun 2004 berbanding dengan MRSM yang lain.
- ii. MRSM Muar dan MRSM Berseri diambil kerana kedua-duanya mempunyai guru PSV yang berpengalaman iaitu lebih daripada 20 tahun mengajar dan setiap tahun terdapat ramai pelajarnya



mengambil PSV sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM dan keputusan yang diperolehi amat memuaskan berbanding dengan MRSM yang lain.

( Sila rujuk pada graf 3, dalam Bab 1, contoh keputusan PSV bagi MRSM Muar).

- iii. Maktab Rendah Sains MARA, Terendak Melaka pula dipilih disebabkan kedudukannya agak berdekatan dengan MRSM Muar.
- iv. Keputusan untuk pergi ke MRSM terlibat kerana dapat menjimatkan masa, tenaga serta dapat peluang berinteraksi dengan responden di samping dapat memperoleh maklum balas dengan cepat.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kaedah kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah cara kuantitatif, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan '*survey*'. Borang soal selidik diedarkan melalui pos kepada kepada MRSM yang mempunyai calon yang mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM bagi tahun 2004. Jumlah keseluruhan calon SPM yang mengambil mata pelajaran PSV di seluruh MRSM ialah seramai 150 sahaja. Bagi MRSM yang mempunyai calon yang ramai mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM, pengkaji membuat keputusan untuk pergi sendiri ke MRSM tersebut.

Pengumpulan data menggunakan kaedah soal selidik. Ini adalah kerana pengkaji merasakan soalan yang dikemukakan kepada responden melalui

kaedah soal selidik adalah jelas, beretika serta boleh dikaji serta menjimat masa, tenaga dan memberi peluang kepada pengkaji untuk memperoleh maklum balas dengan responden yang dikaji. Menurut Mohd. Majid Konting ( 1998 ), soal selidik digunakan kerana sesuatu maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasan, kehendak dan sebagainya boleh diperoleh melalui soalan-soalan yang dikemukakan.

Satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 32 pelajar Tingkatan Lima yang mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM di MRSM Muar Johor, pada bulan Julai untuk melihat kelemahan pada soalan yang direka. Jika tiada kesilapan pada soalan dan pelajar dapat memahaminya maka barulah kajian sebenar dijalankan.

### **3.3 Prosedur Kajian**

Oleh sebab kajian ini melibatkan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kooperasi iaitu Maktab Rendah Sains MARA, maka kebenaran diperlukan untuk menjalankan kajian ini.

Sebelum kajian dilaksanakan di maktab-maktab, pengkaji mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA, di Ibu Pejabat MARA, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, seterusnya mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua-Pengetua MRSM yang terlibat.

Kajian sebenar telah dijalankan pada awal bulan Ogos di MRSM yang terlibat dipilih berdasarkan bilangan calon yang paling ramai mengambil PSV untuk SPM. Pemantauan ke atas responden untuk menjawab soalan soal selidik dalam kajian ini dijalankan sendiri oleh pengkaji. Ada juga set soal selidik di poskan disebabkan lokasi MRSM tersebut terlalu jauh dan jumlah sampelnya adalah sedikit.

Tujuan kajian dan cara menjawab soal selidik telah diterangkan kepada responden terlebih dahulu. Pengkaji melakukan pemantauan sendiri untuk mengelakkan masalah timbul atas soal selidik semasa pelajar menjawab seperti kehilangan jawapan, pelajar tidak menjawab sepenuhnya atau pelajar tidak memberi kerjasama dan pelajar tidak hadir. Responden diberi masa selama 15 – 20 minit untuk menjawab soal selidik tersebut.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumentasi merupakan proses yang dilakukan untuk mendapatkan data bagi menyelesaikan masalah kajian. Instrumen pula ialah alat ukur yang digunakan oleh pengkaji untuk menyelesaikan masalah yang dikaji, iaitu dalam instrumen terkandung item-item yang akan dijawab oleh responden.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan satu set soal selidik yang direka sendiri oleh pengkaji bagi menjawab soalan-soalan kajian. Kaedah tinjauan '*survey*' menggunakan soal selidik telah di kenalpasti sesuai untuk mengumpul data dan mendapatkan maklumat.

Instrumen tersebut dibahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B dan jumlah keseluruhan item ialah 60 item. Soal selidik yang digunakan ialah jenis item tertutup menggunakan Skala Likert 5 poin.

Data dan maklumat dalam Bahagian A terdiri daripada 17 item yang berkaitan dengan maklumat demografi responden. Manakala dalam Bahagian B terdiri daripada 45 item, yang berkaitan dengan sebab-sebab pemilihan mata pelajaran PSV. Dalam Bahagian B terbahagi kepada empat aspek iaitu ;

- a) tujuan memilih PSV,
- b) minat,
- c) asas keutamaan dan ,
- d) prospek kerjaya.

Skala Likert digunakan untuk mendapatkan tindak balas sampel dalam Bahagian B.

Setiap item yang ditunjukkan seperti berikut : -

- |   |   |                     |
|---|---|---------------------|
| 5 | = | Sangat Setuju       |
| 4 | = | Setuju              |
| 3 | = | Tidak Pasti         |
| 2 | = | Tidak Setuju        |
| 1 | = | Sangat Tidak Setuju |

### 3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Disebabkan item dalam soal selidik ini direka oleh pengkaji maka kesahan dan kebolehpercayaan setiap item harus dijalankan terlebih dahulu untuk melihat ketekalan dalaman item-item tersebut sebelum kajian sebenar dijalankan. Satu kajian rintis telah dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan semua item tersebut yang melibatkan seramai 32 responden terdiri daripada pelajar Tingkatan Lima dari MRSM Muar yang mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM tahun 2004. Untuk memastikan responden faham akan setiap pernyataan yang terdapat dalam item-item tersebut, maka kajian rintis tersebut dijalankan di studio seni dan dipantau sendiri oleh pengkaji.

Daripada analisis yang dijalankan terhadap soal selidik ini didapati kebolehpercayaan item-item tersebut dengan menggunakan Crombah Alpha ialah 0.7. Hal ini bermakna kebolehpercayaan item dalam soal selidik ini adalah tinggi iaitu lebih daripada 0.7 tahap yang baik kerana ini bermakna, 71% - 99% responden boleh memahami dengan baik item yang ditanya. Ini menunjukkan item-item soal selidik mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk mengukur item-item yang hendak diukur. Tahap kebolehpercayaan item instrumen kajian ini telah diuji menggunakan nilai Crombah yang melebihi paras nilai 0.7. ( Sila rujuk Jadual 4 )

**Jadual 4 : Kebolehpercayaan**

Item Soalan Yang Diuji	Bilangan Item	Nilai Alpha
(Sebab-sebab Memilih PSV)		
a. Tujuan Memilih PSV	11 item	.8090
b. Mendorong Minat	12 item	.7758
c. Asas Keutamaan	11 item	.8287
d. Prospek Kerjaya	9 item	.7307

### 3.6 Analisis Data

Data yang diperoleh daripada sampel tidak memberi apa-apa makna sekiranya tidak diproses. Oleh itu data perlu diproses untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan masalah kajian. Untuk menganalisis data dalam kajian ini, pengkaji memproseskannya ke dalam program *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)* versi 11.0, kerana program ini dapat memberikan taburan frekuensi, menggambarkan jadual hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah yang dikaji.

Pengkaji menggunakan *Prosedur Bivariate Correlations*, pekali korelasi yang mengukur kekuatan perkaitan (association) antara dua pemboleh ubah boleh dikirakan atau ditentukan. Model Korelasi *Pearson* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan signifikan antara keperluan dengan tahap kompetensi pada aras keyakinan  $P < 0.05$ .

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini membentangkan dan menganalisis data yang diperolehi melalui soal selidik serta mengemukakan hasil dapatan kajian berdasarkan soalan kajian. Perbincangan hasil dapatan kajian di bahagikan kepada lima bahagian iaitu butir-butir responden, asas bagi pelajar MRSM memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan SPM, perkaitan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap pemilihan Pendidikan Seni Visual, hubungan antara asas pemilihan dengan faktor-faktor yang mendorong minat, perkaitan antara asas pemilihan dengan sikap kerjaya pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM.

#### **4.1. Butir-butir Responden**

##### **4.1.1. Demografi**

Bahagian ini membentangkan latar belakang responden berdasarkan taburan responden mengikut jantina, kedudukan rumah, hobi masa lapang, sekolah lama sebelum masuk MRSM. Taburan responden mengikut jantina ditunjukkan di dalam Jadual 5. Daripada jadual tersebut 57.8 % ialah pelajar lelaki dan 42.2 % terdiri daripada pelajar perempuan.

**Jadual 5 : Taburan Jantina Responden**

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	37	57.8 %
Perempuan	27	42.7 %
Jumlah	64	100 %

Kebanyakan pelajar yang masuk ke Tingkatan Empat di MRSM, terdiri daripada pelajar dari berbagai sekolah. Dapatan kajian mendapati bahawa 82.8 % pelajar dari sekolah harian, 1.6 % sekolah berasrama, 3.1 % sekolah agama dan selebihnya adalah dari bekas pelajar MRSM (semasa menengah rendah ) iaitu 12.5 % ini dapat dilihat dalam Jadual 6.

**Jadual 6 : Taburan Sekolah Responden Sebelum Masuk MRSM**

Sekolah	Frekuensi	Peratus
Sekolah Harian	53	82.8 %
Sekolah Berasrama	1	1.6 %
Sekolah Agama	2	3.1 %
Dari MRSM	8	12.5 %
Jumlah	64	100.0 %

Dalam kajian ini kebanyakan responden yang terlibat adalah terdiri daripada responden yang kedudukan rumah di kawasan bandar iaitu 54.7 %, 35.9 % tinggal di kawasan pinggir bandar dan 9.4 % tinggal di kawasan luar bandar. (Lihat Jadual 7.)



**Jadual 7 : Taburan Kedudukan Rumah Responden**

Kedudukan Rumah	Frekuensi	Peratus
Bandar	35	54.7 %
Pinggir Bandar	23	35.9 %
Luar Bandar	6	9.4 %
Jumlah	64	100.0 %

Jadual 8, menunjukkan minat atau hobi responden di masa lapang sama ada berkaitan dengan bidang seni. Hasil dapatan kajian menunjukkan 73.4 % responden mempunyai hobi yang berkaitan dengan bidang seni, manakala 26.6 % responden hobi mereka tiada kaitan dengan bidang seni.

**Jadual 8 : Taburan Hobi Responden di Waktu Lapang**

Adakah Hobi Berkaitan Bidang Seni	Frekuensi	Peratus
YA	47	73.4 %
TIDAK	17	26.6 %

#### 4.1.2. Ciri-ciri Pelajar

Bahagian ini untuk melihat ciri-ciri pelajar yang berkaitan dengan asas pemilihan pelajar iaitu dilihat dalam dua aspek yang berhubungkait ; aliran dan keputusan cemerlang.

Jadual 9 menunjukkan dua aliran yang terdapat di MRSM ; iaitu aliran Sains Tulen dan Sains Gunaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan 71.9 % pelajar adalah dalam jurusan Sains Tulen dan 28.1 % adalah dalam jurusan Sains Gunaan.

**Jadual 9 : Taburan Mengikut Aliran**

Aliran	Frekuensi	Peratus
Sains Tulen	46	71.9 %
Sains Gunaan	18	28.1 %
<b>Jumlah</b>	<b>64</b>	<b>100.0 %</b>

Manakala ciri pelajar kedua ialah mendapat keputusan cemerlang, dapatan hasil kajian menunjukkan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Pendidikan Seni Visual pada semester lalu ialah 46.9 %, kepujian 40.6 % dan lulus ialah 12.5 %. Taburan tersebut dapat dilihat dalam Jadual 10.

**Jadual 10 : Taburan Keputusan Peperiksaan Pendidikan Seni Visual Yang Lepas.**

Keputusan Gred	Frekuensi	Peratus
Cemerlang	30	46.9 %
Kepujian	26	40.6 %
Lulus	8	12.5 %
<b>Jumlah</b>	<b>64</b>	<b>100.0 %</b>

#### 4.1.3. Sebab-Sebab Pemilihan Pendidikan Seni Visual

Terdapat beberapa faktor yang berkaitan dengan asas pemilihan pelajar, disini pengkaji mengaitkan faktor yang berkaitan dengan minat, cita-cita dan yang mendorong minat. Dalam kajian ini tahap minat pelajar dalam Pendidikan Seni Visual diukur dalam bentuk tahap tinggi, sederhana dan rendah. Hasil dapatan kajian menunjukkan responden yang meminati mata pelajaran Pendidikan Seni

Visual di tahap tinggi ialah 37.5 %, manakala di tahap sederhana ialah 62.5 %.

Lihat Jadual 11.

**Jadual 11 : Taburan Tahap Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual.**

Minat Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	Frekuensi	Peratus
Tinggi	24	37.5 %
Sederhana	40	62.5 %
<b>Jumlah</b>	<b>64</b>	<b>100.0 %</b>

Jadual 12 menunjukkan cita-cita responden dalam bidang tertentu. Hasil dapatan kajian mendapati kebanyakan responden berminat menjadi Arkitek, iaitu 39.1 %, diikuti dengan Jurutera 21.9 %, Doktor 17.2 %, Pereka 7.8 %, Ahli Sains 4.7 % dan lain-lain 9.4 %.

**Jadual 12 : Taburan Cita-cita Responden**

Cita-Cita	Frekuensi	Peratus
Arkitek	25	39.1 %
Jurutera	14	21.9 %
Doktor	11	17.2 %
Pereka	5	7.8 %
Ahli Sains	3	4.7 %
Lain-lain	6	9.4 %
<b>Jumlah</b>	<b>64</b>	<b>100.0 %</b>

Seterusnya dilihat dari segi faktor yang mendorong minat pelajar, iaitu siapa yang mendorong mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM. Hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar tersebut tidak dipengaruhi oleh sesiapa ini bermaksud pemilihan mereka berdasarkan atas dorongan sendiri atau inisiatif sendiri. Keputusan dapat dilihat dalam Jadual 13.

**Jadual 13 : Taburan Yang Mendorong Minat Responden.**

Mendorong Ambil Pendidikan Seni Visual	Frekuensi	Peratus
Sendiri	51	79.7 %
Kelurga	7	10.9 %
Kawan-kawan	3	4.7 %
Guru	3	4.7 %
Jumlah	64	100.0 %

#### **4.1.4. Hubungan Antara Ciri-ciri Pelajar Dengan Sebab-Sebab Pemilihan.**

Untuk melihat hubungan antara ciri-ciri pelajar dengan faktor pemilihan, ia diukur dengan menggunakan Analisis Perkaitan atau Korelasi untuk mendapat hubungan antara dua pemboleh ubah. Dalam Jadual 14 menunjukkan hubungan antara ciri –ciri pelajar dengan faktor pemilihan.

**Jadual 14 : Hubungan Antara Ciri Pelajar Dengan Faktor Pemilihan**

	Aliran	Keputusan Cemerlang	Tahap Minat	Cita-Cita
Aliran	1	-.243	.162	.384**
Keputusan Cemerlang		1	-.316*	-.075
Tahap Minat			1	.108
Cita-cita				1

**\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 ( 2-tailed )**

**\* Korelasi signifikan pada aras 0.05 ( 2-tailed )**

Jadual 14 di atas, menunjukkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, keputusannya menunjukkan terdapat perkaitan korelasi yang signifikan antara aliran dengan cita-cita (  $r = .384, p = .00$  ) ternyata ianya mempunyai korelasi pada aras yang tinggi iaitu  $p < 0.00$ . Begitu juga terjadi pada tahap minat yang tinggi pada mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan memperolehi keputusan cemerlang, hasil dapatan menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan iaitu nilai signifikannya ialah (  $r = -.316, p = .01$  ). Disini tanda negatif menunjukkan perkaitan atau perhubungan yang wujud di antara kedua pemboleh ubah merupakan satu hubungan yang negatif membawa maksud pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang tidak semestinya meminati mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Aspek yang lain tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara faktor pemilihan dengan ciri pelajar kerana korelasi signifikan yang diperolehi adalah lebih daripada 0.05 (  $p > 0.05$  ) ( Sila lihat Jadual 14 ).

4.2. Asas utama bagi pelajar MRSM dalam pemilihan PSV sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan SPM .

Dalam menjawab soalan kajian seperti di atas, ia diukur dengan menggunakan Min menerusi prosedur *Compare Means > Means*.

Jadual 15 : Asas Utama Pelajar MRSM Memilih PSV

Mendorong Ambil PSV		Aliran	Cita-Cita Anda	Tahap Minat	Keputusan cemerlang
<b>Sendiri</b>	Min	1.2549	2.9804	2.3529	1.6471
	N	51	51	51	51
	Sisihan Piawai	.44014	1.61852	.48264	.68771
<b>Keluarga</b>	Min	1.7143	3.2857	2.5714	1.5714
	N	7	7	7	7
	Sisihan Piawai	.48795	1.25357	.53452	.53452
<b>Kawan</b>	Min	1.0000	2.3333	2.0000	2.3333
	N	3	3	3	3
	Sisihan Piawai	.0000	1.15470	.0000	1.15470
<b>Guru</b>	Min	1.0000	2.3333	2.6667	1.3333
	N	3	3	3	3
	Sisihan Piawai	.0000	1.15470	.57735	.57735
<b>Jumlah</b>	Min	1.2812	2.9531	2.3750	1.6563
	N	64	64	64	64
	Sisihan Piawai	.45316	1.53716	.48795	.69508

Jadual 15 di atas, hasil dapatan kajian menunjukkan asas atau tujuan utama pelajar MRSM dalam memilih PSV sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM adalah untuk mencapai cita-cita mereka ini jelas dapat dilihat dalam jadual di atas

dengan keseluruhan purata nilai skor min = 2.95, sisihan piawai = 1.54, diikuti Tahap Minat terhadap mata pelajaran tersebut keseluruhan purata nilai skor min = 2.38, sisihan piawai = .49, Keputusan Gred cemerlang yang diperolehi dengan keseluruhan nilai skor min = 1.66, sisihan piawai = .70 dan akhir sekali Aliran dengan keseluruhan purata nilai skor min = 1.28, sisihan piawai = .45.

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa yang mendorong pelajar ini mengambil PSV untuk SPM pula dipengaruhi oleh faktor inisiatif sendiri atau atas kemahuan sendiri ( personal interest ) ini jelas dapat dilihat dalam Jadual 15 daripada 64 responden yang terlibat seramai 51 pelajar dipengaruhi oleh dorongan sendiri. Kemahuan sendiri mempunyai perkaitan yang tinggi dengan asas utama dari segi cita-cita iaitu dengan nilai skor min : 2.98, sisihan piawai : 1.62, diikuti dengan tahap minat terhadap mata pelajaran iaitu nilai skor min : 2.35, sisihan piawai : .48, mendapat keputusan gred cemerlang nilai skor min : 1.64, sisihan piawai : .69, dan akhir sekali dari segi aliran nilai skor min : 1.25, sisihan piawai : .44. Dorongan kedua dipengaruhi oleh keluarga iaitu seramai 7 responden dan asas utama dipengaruhi cita-cita nilai skor min : 3.29, sisihan piawai : 1.25, tahap minat nilai skor min : 2.57, sisihan piawai : .53, aliran nilai skor min : 1.71, sisihan piawai : .49, dan akhir sekali dari segi keputusan gred cemerlang nilai skor min : 1.57, sisihan piawai : .53.

Dorongan ketiga, dipengaruhi oleh faktor kawan-kawan iaitu seramai 3 responden, mempunyai perkaitan dengan asas utama dari segi cita-cita dengan nilai skor min : 2.33, sisihan piawai : 1.15, diikuti dengan keputusan gred cemerlang nilai skor min : 2.33, sisihan piawai : 1.15, aliran nilai skor min : 1.00, sisihan piawai : .00, dan tahap minat nilai skor min : 2.00, sisihan piawai : .00. Keempat dorong

mengambil PSV dipengaruhi oleh guru seramai 3 responden, dan perhubungan dengan asas utama dari segi tahap minat nilai skor min : 2.66, sisihan piawai : .58, bagi cita-cita nilai skor min : 2.33, sisihan piawai :1.15, kemudian keputusan cemerlang nilai skor min : 1.33, sisihan piawai : .58, dan akhir sekali dari segi aliran nilai skor min : 1.00, sisihan piawai : .00.

Oleh itu asas atau tujuan utama pelajar MRSM memilih mata pelajaran PSV sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM kerana mempunyai cita-cita dalam bidang yang berkaitan dengan seni, di samping mempunyai tahap minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tersebut seterusnya kerana mendapat keputusan gred cemerlang dalam peperiksaan lepas. Manakala yang mendorong minat pelajar mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM pula datangnya dari kemahuan sendiri kerana minat pada mata pelajaran tersebut.

**4.3. Hubungan antara asas pemilihan dengan faktor-faktor yang mendorong minat pelajar MRSM ini mengambil PSV sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan SPM.**

Dalam menjawab soalan kajian di atas, ia diukur dengan menggunakan Analisis Perkaitan atau Korelasi, ianya sesuai digunakan untuk mendapatkan hubungan atau perkaitan antara dua pembolehubah. Hubungan yang akan dilihat oleh Analisis Korelasi adalah merupakan hubungan yang bersifat linear sama ada linear yang positif atau negatif.



**Jadual 16 : Hubungan Antara Asas Pemilihan Dengan Faktor**


**Yang Mendorong.**

<b>Mendorong Minat</b>	<b>Aliran</b>	<b>Tahap Minat</b>	<b>Cita-cita</b>	<b>Keputusan Cemerlang</b>
Seorang yang kreatif	.347**	.306*	.208	-.240
Memainkan peranan penting	.186	.261*	.058	-.269*
Memberi pujian dan penghargaan	-.145	.041	.098	-.065
Galakkan dan motivasi	.132	.086	.042	-.112
Komited terhadap tugas	.192	.061	.229	-.297*
Seorang yang penyabar	.237	.197	.072	-.211
Suka berimajinasi dan inovatif	.043	.343**	.076	-.098
Minat menyertai peraduan	.263*	.297*	.032	-.097
Berbangga dengan idea sendiri	.151	.206	-.019	-.195
Melakar gambar dan imej	.028	.276*	.279*	-.182
Menggunakan media komputer	.014	-.081	-.060	-.152
Keluarga saya memberi dorongan	.042	.195	.297*	-.191

\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

\* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-tailed)

Dari hasil analisis tersebut terdapat nilai pekali korelasi yang positif, ini memberitahu bahawa perkaitan atau perhubungan yang wujud di antara kedua pembolehubah tersebut. Terdapat juga perkaitan yang kuat di antara pembolehubah tetapi mempunyai tanda negatif di hadapan nilai pekali tersebut menunjukkan perkaitan atau perhubungan yang wujud di antara kedua pembolehubah merupakan satu hubungan yang negatif. Contoh digambarkan oleh lakaran graf berikut :-



Hasil tersebut menunjukkan faktor yang mendorong minat dari segi guru terlalu komited terhadap tugas dengan keputusan gred cemerlang di mana keputusannya ialah terdapat korelasi yang signifikan ( $r = -0.297$ ,  $p = 0.02$ ). Ini menunjukkan bahawa keputusan gred yang cemerlang yang di perolehi oleh pelajar tidak semestinya disebabkan oleh faktor guru yang mengajar PSV terlalu komited terhadap tugasnya.

Jadual 16, di atas, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor yang mendorong minat dengan asas pemilihan pelajar dalam memilih PSV untuk SPM. Pertama, keputusannya terdapat korelasi yang signifikan ( $r = 0.347$ ,  $p = 0.01$ ) antara mendorong minat dari segi faktor seorang

yang kreatif dengan aliran, dan faktor yang sama iaitu seorang yang kreatif dengan cita-cita iaitu keputusannya (  $r = .306, p = .01$  ) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan. Faktor kedua, iaitu memainkan peranan penting dengan tahap minat iaitu terdapat korelasi yang signifikan (  $r = -.269, p = .03$  ). Manakala faktor yang mendorong minat dari segi komited terhadap tugas dan keputusan gred cemerlang menunjukkan hubungan signifikan dengan korelasi signifikannya (  $r = -.297, p = .02$  ).

Faktor suka berimajinasi dan inovatif dengan tahap minat terhadap mata pelajaran menunjukkan hubungan signifikan dengan korelasi signifikan iaitu (  $r = .343, p = .01$  ). Faktor seterusnya iaitu minat menyertai peraduan dengan aliran mempunyai hubungan signifikan dengan korelasi signifikan (  $r = .263, p = .04$  ) dan faktor yang sama dengan tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran PSV terdapat korelasi yang signifikan iaitu (  $r = .297, p = .02$  ). Mendorong minat dari segi faktor suka melakar gambar dan imej dengan tahap minat pelajar menunjukkan hubungan yang signifikan dengan korelasi signifikannya (  $r = .276, p = .03$  ), dan dari segi faktor yang sama dengan cita-cita menunjukkan hubungan signifikan dengan korelasi signifikannya (  $r = .279, p = .03$  ). Faktor yang mendorong minat pelajar juga dipengaruhi oleh faktor keluarga dengan cita-cita di mana keputusannya terdapat korelasi yang signifikan (  $r = .297, p = .02$  ).

Faktor-faktor yang mendorong minat dengan faktor yang lain tidak menunjukkan hubungan signifikan dengan asas pemilihan kerana korelasi signifikan yang diperolehi adalah lebih daripada 0.05 (  $p > 0.05$  ). ( Lihat Jadual 16 )

**4.4. Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Keutamaan Pelajar Terhadap Pemilihan PSV.**

**Jadual 17 : Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Keutamaan Pelajar**

<b>Asas Keutamaan</b>	<b>Aliran</b>	<b>Tahap Minat</b>	<b>Cita-cita</b>	<b>Keputusan Cemerlang</b>
<b>Berkemampuan melahirkan idea</b>	- .053	.000	- .015	- .240
<b>Memerlukan pengetahuan</b>	.250*	.088	.016	- .181
<b>Pelajaran mudah</b>	.012	.225	-.098	- .181
<b>Libatkan ilham dan idea</b>	-.150	-.016	.255*	.040
<b>Pelbagai Kemahiran</b>	.089	.056	.146	- .246
<b>Buat penilaian</b>	- .197	-.038	.069	- .074
<b>Asah bakat</b>	-.032	.158	.100	- .093
<b>Libatkan pengetahuan</b>	-.253*	.012	- .105	- .124
<b>Bilangan gred cemerlang</b>	.123	-.007	- .040	- .147
<b>Selesa bilik seni</b>	.198	.082	.100	- .129
<b>Tidak merugikan</b>	.075	.200	.115	- .222

**\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 - tailed )**

**\* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2 – tailed )**

Dalam Jadual 17 di atas, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan atau hubungan yang signifikan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap pemilihan PSV sebagai mata pelajaran elektif dalam

peperiksaan SPM dari beberapa aspek. Pertama, asas keutamaan dari segi aspek pelajar aliran sains lebih memerlukan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk meningkatkan kreativiti dengan asas pemilihan dari segi aliran, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara keduanya dengan korelasi signifikan ( $r = .250, p = .05$ ). Kedua, ialah terdapat perkaitan yang signifikan antara asas keutamaan dari aspek PSV lebih menegakkan kegiatan dalam proses penghasilan seni tampak yang melibatkan ilham dan idea dengan citia-cita ( asas pemilihan ) yang mana korelasi signifikannya ialah ( $r = -.255, p = .04$ ).

Ketiga, asas keutamaan dari aspek aktiviti seni melibatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai proses, teknik dan media serta pembentukan nilai mempunyai hubungan yang signifikan dengan asas pemilihan iaitu dari segi aliran dimana keputusannya, terdapat korelasi yang signifikan ( $r = -.253, p = .04$ ). Semua diatas menunjukkan terdapat korelasi perkaitan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap pemilihan PSV sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM dengan korelasi signifikan di paras 0.05 ( $p < 0.05$ ). Manakala aspek-aspek asas keutamaan yang lain tidak menunjukkan korelasi perkaitan yang signifikan dengan asas pemilihan kerana korelasi signifikan yang diperolehi adalah lebih daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). (Lihat Jadual 17.)

**4.5 Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Sikap Kerjaya Pelajar Yang Memilih Mata Pelajaran PSV Untuk SPM.**

**Jadual 18 :Perkaitan Antara Asas Pemilihan Dengan Sikap Kerjaya Pelajar.**

<b>Prospek Kerjaya</b>	<b>Aliran</b>	<b>Tahap Minat</b>	<b>Cita-cita</b>	<b>Keputusan Cemerlang</b>
<b>Kerjaya yang luas</b>	- .021	.255*	.034	-.177
<b>Belajar bidang senireka</b>	- .002	.135	.084	-.087
<b>Zaman globalisasi</b>	.106	.192	.132	-.055 .
<b>Faktor utama</b>	.002	.148	-.300*	-.070 .
<b>Kerja sampingan</b>	.056	.275*	-.245 .	.168
<b>PSV peringkat asas</b>	-.067	.255	-.031	-.048
<b>Menjamin masa depan</b>	-.019	.352**	-.067	-.341**
<b>Seorang Arkitek</b>	.219	.168	.121	-.247*
<b>Seni dan multimedia</b>	.123	-.007	.061	-.221

**\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 ( 2 – tailed )**

**\* Korelasi signifikan pada aras 0.05 ( 2 – tailed )**

Jadual 8, menunjukkan keputusan hasil analisis yang diperolehi mengenai perkaitan antara asas pemilihan dengan sikap kerjaya pelajar. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat perkaitan korelasi yang signifikan antara asas pemilihan dan sikap kerjaya pelajar dari aspek tertentu. Pertama, perkaitan antara prospek kerjaya iaitu membuka bidang kerjaya yang luas selain bidang

sains dan teknologi mempunyai perkaitan dengan asas pemilihan dari aspek tahap minat pelajar terhadap pelajaran Pendidikan Seni Visual di mana keputusannya terdapat korelasi yang signifikan iaitu ( $r = .255, p = .04$ ).

Kedua, prospek kerjaya dari aspek pemikiran yang kreatif dan unik menjadikan faktor utama seseorang itu boleh terkenal dan berjaya mempunyai perkaitan dengan cita-cita, di mana keputusannya terdapat korelasi yang signifikan iaitu ( $r = -.300, p = .05$ ). Ketiga, prospek kerjaya dari aspek membuat kerja sampingan sebagai hobi mempunyai perkaitan dengan tahap minat, di mana hasil dapatan jelas menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan iaitu ( $r = .275, p = .03$ ). Manakala keempat pula belajar PSV dapat menjamin masa depan atau membantu kerjaya dengan tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran PSV dan keputusannya terdapat korelasi yang signifikan iaitu ( $r = .352, p = .00$ ) ini menunjukkan perkaitan korelasi signifikan yang tinggi pada aras  $p < .00$ , aspek ini juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keputusan gred cemerlang di mana keputusannya menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan ( $r = .341, p = .01$ ). (lihat Jadual 18.)

Kelima prospek kerjaya dilihat, seorang Arkitek atau Ahli Sains memerlukan daya kreativiti yang tinggi untuk menghasilkan sesuatu ciptaan dengan keputusan gred cemerlang mempunyai perkaitan yang signifikan, di mana keputusannya didapati terdapat korelasi yang signifikan ( $R = -.247, P = .05$ ).

Aspek-aspek dalam prospek kerjaya yang lain tidak menunjukkan hubungan atau perkaitan yang signifikan dengan asas pemilihan kerana korelasi signifikan yang di perolehi adalah lebih daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). ( lihat Jadual 18.)

#### 4.6 Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa asas utama bagi pelajar MRSM dalam pemilihan Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM adalah kerana mereka mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tersebut disamping mempunyai cita-cita yang berkaitan dengan bidang seni. Keputusannya menunjukkan terdapat perkaitan atau perhubungan yang signifikan antara asas pemilihan dengan asas keutamaan dalam aspek tertentu. ( sila rujuk jadual 17 )

Antara asas pemilihan dengan faktor yang mendorong minat, dapatan kajian menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan dari beberapa aspek sahaja. seperti mempunyai guru yang kreatif dan komited terhadap tugas serta guru memainkan peranan penting dalam mengungkap bakat pelajar. ( Sila rujuk Jadual 16 )

Dapatan kajian yang diperolehi bagi perkaitan antara asas pemilihan dengan asas keutamaan, keputusan kajian menunjukkan perkaitan korelasi berlaku antara asas pemilihan aspek aliran dengan pelajar aliran sains lebih memerlukan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk meningkatkan daya kreativiti mereka. Akhir sekali ialah perkaitan antara asas pemilihan dengan



sikap kerjaya pelajar yang memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, keputusan kajian menunjukkan terdapat perkaitan korelasi yang signifikan antara keduanya. Keputusan menunjukkan terdapat perkaitan korelasi signifikan pada aras 0.00. antara asas pemilihan dengan menjamin masa depan . Bagi memperoleh keputusan cemerlang dengan menjamin masa depan, keputusannya menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan (  $r = -.341$ ,  $p = .01$  ) iaitu  $p < 0.01$ .

Hak Milik MARA

## **BAB 5**

### **RINGKASAN, IMPLIKASI DAN PENUTUP**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini merumuskan serta memberi tumpuan kepada ringkasan kajian, serta membincangkan implikasi dapatan kajian. Selain daripada itu, beberapa cadangan kajian lanjutan yang dirasakan perlu untuk tindakan selanjutnya juga akan dibincangkan.

#### **5.1 Ringkasan Dapatan Kajian**

Dalam bahagian ini akan dibincangkan dapatan kajian hasil daripada analisis yang diperolehi mengenai tajuk kajian iaitu 'Pemilihan Pendidikan Seni Visual (PSV) Sebagai Mata Pelajaran Elektif Dalam SPM Oleh Pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Pertama dilihat dari segi butir-butir responden dan faktor-faktor pemilihan Pendidikan Seni Visual oleh pelajar MRSM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 64 responden yang terlibat yang diambil dari tiga buah MRSM, 57.8% adalah terdiri daripada pelajar lelaki, dan 42.2% adalah pelajar perempuan.

Peratus bagi tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, ialah 62.5% responden, ditahap sederhana manakala 37.5% responden berada ditahap tinggi. Manakala dari segi aliran pula semuanya dalam aliran sains iaitu 71.9% dalam jurusan sains tulen dan 28.1% dalam

jurusan sains gunaan. Responden yang terlibat dalam kajian ini kebanyakannya tinggal di kawasan bandar iaitu 54.7%, pinggir bandar 35.9% dan luar bandar 9.4 %. Dari segi hobi responden di waktu lapang iaitu adakah berkaitan dengan bidang seni, hasil dapatan kajian menunjukkan 73.4% responden mempunyai hobi yang berkaitan dengan bidang seni, manakala 26.6% responden pula hobi mereka tiada kaitan dengan bidang seni. Dilihat pula dari sudut cita-cita kebanyakan responden memilih bidang senibina iaitu Arkitek dengan jumlah 31.1 %, Jurutera 21.9 %, Doktor 17.2 %, Pereka 7.8 %, Ahli Sains 4.7 % dan lain-lain bidang seramai 9.4 % .

Dari segi hubungan antara ciri-ciri pelajar dan faktor pemilihan (sila rujuk pada Jadual 14 ), hasil dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri pelajar dalam aspek aliran mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor pemilihan dari aspek cita-cita. Kelihatan pekali korelasi bagi pasangan aliran dan cita-cita adalah tinggi iaitu 0.384. Hubungan yang signifikan juga terdapat antara minat dalam mata pelajaran dengan memperolehi keputusan cemerlang di mana nilai pekali korelasinya ialah 0.316.

Daripada hasil analisis yang diperolehi untuk menjawab soalan berkaitan dengan asas bagi pelajar MRSM memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM ( sila rujuk pada Jadual 15 ). Dapatan kajian menunjukkan asas utama pelajar MRSM memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif adalah disebabkan mempunyai cita-cita yang berkaitan dengan bidang seni kemudian diikuti dengan tahap minat yang tinggi pada mata pelajaran tersebut, serta memperolehi keputusan

cemerlang dalam peperiksaan semester. Kebanyakan pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM adalah atas kemahuan sendiri ini jelas dilihat dalam Jadual 15, di mana menunjukkan atas dorongan sendiri atau inisiatif sendiri iaitu seramai 51 responden, dorongan keluarga 7 responden, pengaruh kawan-kawan 3 responden dan akhir sekali dorongan guru 3 responden.

Dari segi perhubungan antara asas pemilihan dengan faktor-faktor yang mendorong minat pelajar (Sila rujuk pada Jadual 16 ). Terdapat perhubungan atau perkaitan yang signifikan antara asas pemilihan dari aspek aliran dan tahap minat dengan faktor mendorong minat pelajar, dalam item yang berhubung dengan guru Pendidikan Seni Visual seorang yang kreatif, kaya dengan idea dan berpengalaman luas dalam bidang seni. Faktor lain yang berhubung dengan yang mendorong minat ialah guru Pendidikan Seni Visual memainkan peranan penting dalam mengcungkil bakat dan guru terlalu komited terhadap tugasnya menjadi faktor utama yang mendorong minat responden terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Selain daripada itu terdapat hubungan yang signifikan antara asas pemilihan dengan faktor yang mendorong minat dengan yang lain seperti minat yang mendalam terhadap seni menjadikan seorang yang suka berimajinasi, inovatif dan inventif begitu juga pada minat menyertai peraduan dan pertandingan melukis dan suka melakar gambar, imej dan corak di tepi buku. Faktor-faktor berikut menjadikan pendorong kepada mereka untuk minat mempelajari dan mendalami mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Dapatan kajian ini juga dapat menyokong pendapat Meinkoth ( 1971 ), menyatakan guru haruslah turut sama dalam memberi perhatian kepada usaha memberangsangkan minat pelajar. Guru adalah bertanggungjawab untuk menanamkan minat pelajar serta membimbing pelajar bagi memperolehi kejayaan di dalam pelajaran.

Dari segi perkaitan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar terhadap pemilihan Pendidikan Seni Visual ( Sila rujuk Jadual 17 ), dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara asas pemilihan dengan keutamaan pelajar dari beberapa aspek iaitu dilihat dari segi asas pemilihan berhubung dengan aliran di mana dalam item dinyatakan pelajar aliran sains lebih memerlukan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk meningkatkan kreativiti, begitu juga terdapat korelasi perkaitan antara aliran dengan keutamaan pelajar iaitu aktiviti seni melibatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai proses, teknik dan media serta pembentukan nilai. Manakala asas pemilihan dari segi cita-cita dengan asas keutamaan yang berkaitan dengan Pendidikan Seni Visual di peringkat menengah atas lebih menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan seni tampak yang melibatkan ilham dan idea, dapatan kajian menunjukkan satu perkaitan yang signifikan di antara keduanya.

Dari hasil kajian mendapati bahawa asas pemilihan pelajar dengan asas keutamaan dalam pemilihan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual

mempunyai perkaitan yang rapat kerana aktiviti seni yang dijalankan atau semasa proses pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat meningkatkan kemahiran serta memberi mereka ilmu pengetahuan yang berguna dan berfaedah. Melalui mata pelajaran ini mereka dapat berfikir dengan lebih bijak tentang seni dan manifestasi terhadap dunia sekitarnya. Melalui pengalaman yang diterima boleh merangsang pelajar untuk berfikir dan mengaitkan apakah disiplin yang berkaitan dengannya.

Dari segi perkaitan antara asas pemilihan dengan sikap kerjaya pelajar ( sila rujuk pada Jadual 18 ), dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara asas pemilihan dan sikap kerjaya pelajar dalam beberapa aspek. Ini dapat dilihat perhubungan antara prospek kerjaya dalam item mempelajari Pendidikan Seni Visual membuka bidang kerjaya yang luas selain bidang sains dan teknologi dengan tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Begitu juga dalam bahagian prospek kerjaya dalam item mempunyai pemikiran yang kreatif dan unik menjadi faktor utama seseorang itu boleh terkenal dan berjaya mempunyai korelasi perkaitan yang signifikan dengan cita-cita.

Dilihat dari tahap minat pula mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kerja sampingan atau hobi untuk menambah pendapatan. Prospek kerjaya dalam item belajar Pendidikan Seni Visual membantu kerjaya dan menjamin masa depan mempunyai perhubungan yang signifikan dengan tahap minat dan cita-cita. Kelihatan pekali korelasi bagi pasangan berikut adalah tinggi iaitu 0.352 dan 0.341. Akhir sekali prospek kerjaya berkaitan dengan

seorang Arkitek atau Ahli Sains memerlukan daya kreativiti yang tinggi untuk menghasilkan sesuatu ciptaan dengan asas pemilihan iaitu keputusan cemerlang mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai pekali korelasinya ialah 0.247. Asas pemilihan tersebut dapat membantu pelajar berjaya dalam bidang yang mereka minati. Oleh itu menentukan sesuatu kerjaya itu mestilah berdasarkan kepada kehendak individu, minat dan kebolehan mereka.

Dapatan kajian ini dapat mengesahkan pendapat Super ( 1957 ) tentang pemilihan kerjaya adalah penting kerana kerjayalah yang menentukan kegiatan utama dan cara hidup seseorang. Oleh yang demikian faktor utama atau persediaan yang perlu ada sebelum membuat pemilihan kerjaya ialah minat.

## **5.2. Perbincangan**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM ini mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tersebut. Minat yang tinggi terhadap bidang seni serta mempunyai cita-cita yang berkaitan dengan bidang yang diminati menjadi pendorong utama pemilihan Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM.

Dapatan kajian ini juga menyokong hasil kajian Intan Zuraini Abd. Razak (1996) minat penting untuk mencapai kejayaan. Minat yang mendalam

sangat penting untuk mencapai kejayaan, terutamanya dalam bidang yang diminati sama ada bidang sains atau seni yang amat mencabar. Berbekalkan minat, sebarang kesukaran akan dapat di atasi dengan mudah.

Minat yang mendalam terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual membantu pelajar memperolehi keputusan cemerlang. Oleh itu secara tidak langsung memberi semangat serta motivasi untuk terus cemerlang dan seterusnya memilih bidang kerjaya yang berkaitan dengan minat. Dapatan kajian dapat mengesahkan pendapat Sulaiman Masri (1994), pernah menyatakan sekiranya seseorang itu mempunyai minat yang tinggi terhadap kerja yang dilakukan sudah pasti kerja tersebut akan dapat diselesaikan dengan memuaskan dan berkualiti. Begitulah sebaliknya.

Dapat kajian juga menunjukkan guru memainkan peranan penting dalam mencungkil bakat pelajar. Pelajar yang berbakat dan berkebolehan dalam bidang yang diminati akan memperolehi keputusan cemerlang dan ini secara tidak langsung meningkatkan serta membantu menambah gred cemerlang dalam SPM. Dalam teori kreativiti tercatat setiap individu sejak lahir memiliki pelbagai keupayaan dan bakat atau potensi. Teori Kreativiti oleh Calvin Taylor ada menyatakan tentang bakat, beliau mengatakan setiap individu mempunyai bakat masing-masing yang perlu dipupuk dan dicungkil kerana tidak semua bakat yang ada pada individu dapat didedahkan. Hakikatnya pengaplikasian teori kreativiti tersebut mendatangkan kesan positif terhadap budaya sekolah.



Pendidikan Seni Visual sangat membantu pembentukan jiwa dan menjadi wadah yang subur untuk mengembangkan jiwa kreativiti. Daya kreatif tidaklah hanya sempit di bidang kreativiti seni semata-mata tetapi kreatif dalam erti yang lebih luas seperti kreatif menciptakan hal-hal yang bermanfaat dalam kehidupan masyarakat, kreatif menyelesaikan masalah, atau dengan kata lain kekayaan kreativiti.

Dapatan kajian juga mendapati guru yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dapat melahirkan individu yang kreatif serta mampu mempunyai kesedaran estetika yang tinggi dalam masyarakat.

Cita-cita yang tinggi dalam bidang berkaitan dengan seni menjadikan subjek Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran kegemaran mereka, seterusnya mengambilnya sebagai subjek elektif untuk SPM walaupun pada dasarnya pelajar-pelajar ini menghadapi banyak masalah. Hasil kajian mendapati ini tidak menjadi halangan kepada mereka untuk terus memperolehi keputusan cemerlang, kerana kebanyakan pelajar ini mempunyai rekod pencapaian akademik yang baik dalam mata pelajaran yang lain. Kebanyakan pelajar ini bijak membahagikan masa, boleh berdikari dan selalu berinteraksi serta berbincang dengan guru Pendidikan Seni Visual apabila menghadapi masalah.

Oleh yang demikian pelajar –pelajar aliran sains yang berbakat dan kreatif perlu di beri peluang mengembangkan idea, meningkatkan kreativiti serta memperluaskan kemahiran mereka dengan menggalakkan mereka mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk SPM supaya kemahiran yang ada dapat dinilai melalui peperiksaan.

### 5.3 Implikasi dan Cadangan

Antara implikasi dan dapatan kajian ialah : -

1. Pelajar aliran sains yang memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM memerlukan jadual waktu rasmi seperti mana mata pelajaran elektif yang lain.
2. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual perlu diajar secara formal supaya ianya sama taraf atau pentingnya dengan mata pelajaran elektif yang lain.
3. Pelajar yang memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk SPM memerlukan masa yang banyak dalam menyiapkan hasil karya terutama dalam Kajian Rekaan Seni Visual oleh itu haruslah diberi kelonggaran dalam menyertai aktiviti sekolah yang tidak penting.
4. Pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM amat memerlukan jadual waktu rasmi untuk akan membantu mereka berhubung dengan guru Pendidikan Seni Visual seterusnya dapat berbincang dan menyelesaikan masalah dengan cepat.
5. Pihak pentadbir terutamanya Pengetua perlu menyedari bahawa pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM adalah pelajar

yang mempunyai keistimewaan berbanding dengan yang lain, Oleh itu segala kesulitan dan kerumitan yang dihadapi oleh mereka perlu di atasi dengan bijaksana tanpa mengecewakan mana-mana pihak. Pihak Pengetua perlu meletakkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sama pentingnya dengan mata pelajaran yang lain dan pihak pentadbir perlu kemaskinikan peralatan dan bahan alat bantu mengajar yang canggih supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan .

6. Ibubapa perlu memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak mereka yang meminati bidang seni dan menggalakkan mereka mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk SPM, ini kerana pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual untuk SPM memerlukan sokongan ibubapa dalam menangani masalah menghasilkan karya seni kerana memerlukan masa yang banyak untuk menyiapkan suatu produk seni. Ibubapa perlu memahami akan minat anak mereka serta memberi sokongan dan galakan supaya tidak timbul masalah dalam pemilihan kerjaya. Peranan ibubapa penting dalam mempengaruhi minat mereka serta kerjaya pelajar.

Cadangan untuk mengatasi masalah ini melibatkan banyak pihak serta memerlukan perancangan yang rapi. Pertama pihak pentadbir sekolah perlu menyedari walaupun mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ini tidak penting dalam aliran sains tetapi aspek merentas kurikulum dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah amat berguna dalam proses pembelajaran seseorang pelajar. Aspek merentas kurikulum banyak membantu para pelajar

menjalankan proses kesinambungan pembelajaran yang disepadukan dalam semua mata pelajaran.

Dapatan kajian dapat mengesahkan pendapat Eisner, E. W. & Powell, K (2002) dalam artikelnya bertajuk 'Art in Science ?' menyebut mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Sains sebenarnya adalah dua bidang yang sangat berlainan. Dalam artikel tersebut menyentuh isu berkenaan, mereka menyatakan : -

*“Science is thought of as an enterprise concerned with discovering what is true. It requires evidence to support one’s ideas or claims. Science is a technical enterprise requiring specialized training. Science is serious business. Science and its discoveries are considered critical for our future. Art by contrast, is not so somber. Art, it is widely believed, is not concerned with truth but with beauty, it is intended less to inform to please. Art, is based on taste and personal preference; it appeals to the sense, it addresses particulars, it is the product of a largely unlearnable process. Art requires talent. And while art is a source of satisfaction, it is not necessity; it is nice, but not necessary.”*

( Eisner & Powell, 2002 : 131 –132 )

Dari artikel tersebut dilihat bahawa Pendidikan Seni Visual adalah satu mata pelajaran yang boleh dikatakan penting dan berguna bagi seseorang pelajar tidak kira sama ada pelajar tersebut dari jurusan sains atau aliran lain untuk dipelajari. Selain mendapat kemahiran serta ilmu pengetahuan ia juga

dapat mengaplikasikan dalam kehidupan harian manusia. Sebagai satu daya tarikan untuk menarik minat pelajar mengaplikasikannya dalam aktiviti pembelajaran harian dimana mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat merehatkan minda serta mengurangkan tekanan semasa belajar.

Oleh yang demikian tidak menjadi kerugian atau kerumitan bagi pelajar jurusan sains mempelajari seni atau mengaplikasikan pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam proses pembelajaran mereka malah mereka memperoleh ilmu serta kemahiran yang amat berguna berbanding dengan pelajar lain.

#### **5.4. Cadangan Kajian Lanjutan**

Berikut adalah dicadangkan beberapa kajian lanjutan untuk memantapkan kajian akan datang : -

1. Kajian dibuat dengan melibatkan sampel kajian yang lebih besar atau melibatkan semua pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM supaya data dan intipati kajian yang diperolehi lebih tepat dan kukuh.
2. Kajian ini terbatas pada pelajar yang menuntut di MRSM sahaja. Mungkin pada masa akan datang boleh membuat perbandingan antara pelajar di Sekolah Menengah Sains Berasrama Penuh atau pelajar Sekolah Bistari dengan pelajar dari MRSM.

3. Kajian ini juga boleh dijalankan terhadap guru Pendidikan Seni Visual atau pandangan guru-guru dari mata pelajaran lain terhadap pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM untuk mendapat maklum balas, pandangan mereka, serta kepentingan mata pelajaran ini dengan prospek kerjaya mereka.

#### 5.4 Penutup

Secara keseluruhannya keputusan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang memilih Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif untuk SPM merupakan pelajar yang amat meminati mata pelajaran ini dan mereka percaya bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual membantu kepada peningkatan gred keseluruhan peperiksaan. Mereka menjadikan mata pelajaran tersebut penting untuk mencapai cita-cita dalam bidang yang berkaitan. Kebanyakan pelajar yang minat mempelajari Pendidikan Seni Visual ini mempunyai cita-cita sebagai seorang Arkitek, Pereka selain bidang lain seperti Jurutera, Doktor, Ahli Sains dan lain-lain lagi. Bagi pelajar aliran sains yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk peperiksaan ia tidak merugikan malah mereka mendapat ilmu serta kelebihan dan dapat mengabungjalinkan mata pelajaran ini dengan mata pelajaran sains. Oleh itu peluang harus diberikan kepada pelajar aliran sains untuk mempelajari Pendidikan Seni Visual kerana mereka bakal memenuhi kekurangan profesion yang penting di negara kita.

Di Malaysia, aktiviti seni yang dijalankan tidak begitu ketara dan menyeluruh. Masih ramai ibubapa yang tidak memahami kepentingan seni

dalam kehidupan seharian mampu meningkatkan kreativiti anak-anak mereka. Masyarakat di Malaysia masih menganggap bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak penting dan tidak mendatangkan faedah. Tanggapan begini harus dikikis, kerana zaman teknologi maklumat sekarang amat memerlukan tenaga kerja yang mahir dalam pelbagai bidang serta tenaga kerja yang kreatif, produktif, inovatif dan inventif.

Pendidikan Seni Visual abad 21 kini menghadapi berbagai-bagai perubahan dan cabaran. Dunia IT Siber turut mewarnai kurikulum dan pembelajarannya. Kebanyakan sekolah di bandar telah menggunakan integrasi teknologi komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, oleh itu secara tidak langsung menjadikan mata pelajaran ini lebih seronok dan menarik dapat mempelbagaikan media pengajaran.

Matlamat Pendidikan Seni Visual untuk membentuk keperibadian pelajar yang celik budaya sendiri dan budaya lain serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara, akan tercapai sekiranya program Pendidikan Seni Visual dapat dilaksanakan secara terancang dan bersistematik di peringkat sekolah. Sekiranya program Pendidikan Seni Visual dapat dirancang dengan sistematik dan terarah maka pelajar yang mempelajarinya akan merasa sayang akan mata pelajaran ini dan melihatnya dari persepsi yang tidak sempit tetapi kepada yang mampu mencorak kehidupan dan peluang kerjaya yang besar.

Pendidikan Seni Visual mempunyai kekuatan baru kerana diletakan di dua tempat yang strategik iaitu pendidikan dan budaya. Kekuatan ini mampu menjadikan Pendidikan Seni Visual mata pelajaran teras dalam konteks kurikulum bersepadu. Dengan itu, isi dan penguasaan kemahiran yang diberikan oleh Pendidikan Seni Visual mesti dilihat dari segi kemampuannya untuk menilai tradisi dan kekekalannya di samping menilai kreativiti, perubahan, peningkatan dan kerelevanan.

Pendidikan Seni Visual mempunyai keistimewaannya dan kepentingannya tersendiri tidak perlu bersaing dengan mata pelajaran lain ia ada kelebihan tersendiri dan perlu dikaji dengan lebih rapi. Pendidikan Seni Visual bukan hanya catan, lukisan, arca, grafik, tekstil dan seramik tetapi merupakan manifestasi budaya dengan pelbagai ciri dan kerencaman untuk dikaji. Pelajar membuat hasil kerja berbentuk grafik, catan, lukisan dan lain-lain berdasarkan realiti. Oleh itu tiba masanya mata pelajaran Pendidikan Seni Visual haruslah dijadikan mata pelajaran untuk dipelajari oleh semua pelajar.



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Abdul Rashid (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Shukor Hashim dan Solihin Osman (2000). Model 'Discipline and Multiple Discipline in Visual Art Education' Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Seni Di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Dalam *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual*, SI/PPK/BSLN.
- Abu Talib Putih (2000). Seni dalam Pendidikan : Soal Relevans dan Konteks Semasa dalam *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual*, SI/PPK/BSLN.
- Abu Talib Putih (2002). Nota Perancangan Kurikulum untuk Pendidikan Seni. Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Adnan Khamis (1986). Pertalian Antara Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran dan Kaitannya dengan Pencapaian Akademik, *Jurnal Pendidikan*, 10, 17 – 30.
- Allison, B.(1986). *Some Aspects of Assessment in Art And Design Education*. Dalam Malcom, Ross. Editor. *Assessments in Arts Education*. London: Pergamon Press.
- Benjamin S. Bloom (1976). *Human Characteristic and School Learning*, New York : Mc Graw-Hill.
- Bloom, S. Benjamin (editor), (terjemahan : Abdullah Junus)(1993). *Taksonomi Objektif Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carroll J. (1996). A Model of School Learning. *Teacher College Record*, 64, 723 –733.
- Chapman, Laura H. (1978). *Approaches to Art in Education*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Chapman, Laura H. (1985). Curriculum Development As Process and Product. *Studies in Art Eucation*, 29. (U).
- Dewey, J. (1958). *Art as Experience*. New York : G.P. Putnam's Son.
- Ee Ah Meng (1986). *Pendidikan Di Malaysia*, Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Efland, Arthur, Editor (1977). *Planning Art Education in Middle Secondary School ... Ohio*.
- Efland, A.D. (1987). Curriculum Antecedents of Discipline – Based Art Education. *Journal of Aesthetic Education*. Vol. 21. No.2. Summer.
- Eisner, Elliot W. (1972). *Educating Artistic Vision*. New York ; Mac Millan. The Publication Company.
- Eisner, E. W. (1969). Teaching art to the young : *A curriculum development project on art education*. Stanford, C.A : Stanford University Press.
- Eisner, E. W. (2001). *Should We Create New Aims for Art Education ?* Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Eisner, E. and Powell, K. (2002). *Art in Science ?* California, Stanford University : Blackwell Publishing.
- Eisner, E. W. (2002). What Can Education Learn From the Arts About The Practice of Education ? *Journal of Curriculum and Supervision*. U.S.A : Association For Supervision And Curriculum Development.
- Feldman, Edmund B. (1996). *Philosophy of Art Education*. Upper Saddle River, New Jersey : Prentice Hall.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind : The Theory of Multiple Intelligence*. New York : Basic Books.
- Haslinda Madon (2003). *Minat Pelajar Aliran Sains Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual*. Kajian Sarjana ( Tidak Diterbitkan ).
- Hassan Langgulung (1991). *Kreativiti dan Pendidikan. Suatu Kajian Psikologi Dan Falsafah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hauser (2002). Artikel Bertajuk : *The Totality of Life and The Totality Of Art*, dalam nota Perancangan Kurikulum Pendidikan Seni, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Hornby, A.S. ( editor). (terjemahan : Asmah Omar) (2000) Oxford Fajar : *Advanced Learner's English – Malay Dictionary*. Sdn. Bhd.
- Ibrahim Hassan (2000). *Pendidikan Seni : Matlamat dan Kepentingannya. Kumpulan esei pilihan, Pendidikan Seni dan Muzik*. Tanjong Malim : Fakulti Sains Sosial dan Kesenian UPSI.
- Intan Zuraini Abd. Razak (1996). Tajuk : *Minat Penting untuk Mencipta*

Kejayaan. *Dewan Siswa* ; Kuala Lumpur. Hlm. 24-25.

Jerome Bruner (1956). *A Study in Thinking*. New York : John Wiley.

John, A. Michael (1983). *Art and Adolescence Teaching Art at the Secondary Level*. New York and London : Teachers College Press.

Kamus Dewan (1994). *Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1991). *KBSM Buku Panduan Guru Pendidikan Seni Tingkatan I dan V*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Pendidikan Seni*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairani Kaharuddin (1999). *Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Teknik*. Kajian Sarjana, Universiti Malaya. (Tidak Diterbitkan).

Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual (2000 : Kuala Lumpur ) *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000*, KPM/PPK/BSLN.

Lansing, Kenneth M., (1971). *Art, Artist and Art Education*. New York : McGraw – Hill Book.

Leonard M. S. Yong (1994). *Kreativiti : Ke Arah Pembentukan Masyarakat Kreatif*. Kuala Lumpur : Arenabuku.

Lowenfeld, Victor an Brittain, Lambert (1975). *Creativity and Mental Growth*. London : Collier MacMillan Publishers.

Mat Desa Mat Rodzi (2000). *Kurikulum Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah : Antara Perancangan, Pelaksanaan dan Harapan*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000. Anjuran Balai Seni Lukis Negara. Hlm. 56 –67.

Mazlan Mohamad (1996). *Pendidikan Seni 2. Kurikulum Pendidikan Seni*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.

Md. Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan (2003). *Pendidikan Seni ; Untuk Maktab dan Universiti*. PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala

Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Mustafa Mohd Ghazali (1992). *Matlamat Pendidikan Seni KBSM dan Isu-Isu Perlaksanaannya*. Universiti Sains Malaysia.

Naele, D.C. Gill, N, and Tismer, W. (1970). Relationship Between Attitudes Towards School Achievement. *The Journal Of Educational Research*, 63, 5, 232 – 237.

Razman Kamaruddin (2000). Sikap Pelajar Terhadap Guru dan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni. Kajian Sarjana, Universiti Malaya. ( Tidak Diterbitkan )

Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). *Silibus untuk Sekolah Rendah Dan Menengah* : Kementerian Pendidikan Malaysia.

Read, Herbert (1956). *Education Through Art*. London : Faber dan Faber.

Rohani Nasir (1990). Minat dan Proses Perkembangan Kerjaya. *Kertas Kerja Seminar Psikologi dan Masyarakat*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Saedah Siraj (1996). *Motivasi dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Sufean Hussin (1993). *Pendidikan di Malaysia : Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Super, D. E. (1972). *The Psychology of Career*. New York : Harper and Row, Edisi Ketiga.

Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah (2002). Pendidikan Seni Visual. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tolbert (1974). *Counseling For Career Development*. Boston : Houghton Mifflin Company.

# **LAMPIRAN**

**( SOAL SELIDIK )**

Hak Milik MARA

## SOAL SELIDIK PELAJAR

Assalamualaikum,

Para pelajar yang di hormati,

Soal selidik ini bukanlah satu ujian , oleh yang demikian tidak ada jawapan yang betul atau pun salah. Tujuan soal selidik ini adalah semata-mata untuk mendapat maklumat mengenai tajuk '**Pemilihan Pendidikan Seni Visual ( PSV ) Sebagai Mata Pelajaran Elektif Dalam Peperiksaan SPM oleh Pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)**', bagi memenuhi keperluan kajian yang sedang saya jalankan.

Sila baca soalan-soalan dengan cermat dan teliti, dan ambillah masa untuk menjawabnya. Jawablah dengan jujur dan ikhlas berdasarkan fikiran, perasaan dan pengalaman anda sendiri. Segala maklumat yang anda berikan adalah rahsia dan akan digunakan untuk kajian ini sahaja.

Saya sangat menghargai hasrat ikhlas anda untuk membantu saya dalam kajian ini dan izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala kerjasama yang anda berikan.

Yang benar,

ZALILAH MOHAMAD

Program Sarjana Pendidikan

Jabatan Pendidikan Sains Sosial,

Fakulti Pendidikan,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

## BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG DAN MAKLUMAT DIRI PELAJAR

Dalam bahagian ini, anda dikehendaki menandakan (/) pada petak yang berkenaan dengan maklumat diri anda. Anda tidak perlu menulis nama anda pada kertas soal selidik ini. Nama anda tidak akan dikaitkan dengan sebarang cara semasa data ini dianalisis dan dalam laporan akhir kajian ini.

NAMA MRSM : \_\_\_\_\_

1. Jantina                      1. Lelaki                     

   2. Perempuan               

2. Aliran / Jurusan            1. Sains Tulen               

   2. Sains Gunaan             

3. Sebelum anda memasuki Tingkatan 4 di MRSM, di manakah anda bersekolah ?

1. Sekolah Harian Biasa                        
   Kementerian Pendidikan

2. Sekolah Berasrama Penuh                        
   Kementerian Pendidikan

3. Sekolah Agama                                     

4. MRSM lain.                                        
   ( Nama MRSM ..... )

4. Di manakah rumah anda terletak ?

- 1. Kawasan bandar.
- 2. Pinggir bandar.
- 3. Luar bandar.

5. Adakah anda mempunyai komputer di rumah ?

- 1. Ya
- 2. Tidak

6. Adakah antara ahli keluarga anda seorang pelukis atau pereka ?

- 1. Ya
- 2. Tidak

7. Adakah hobi anda pada masa lapang berkaitan dengan kegiatan seni?

- 1. Ya
- 2. Tidak

8. Apakah tahap minat anda pada mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

- 1. Rendah
- 2. Sederhana
- 3. Tinggi



9. Apakah cita-cita anda ?

1. Doktor
2. Jurutera
3. Arkitek
4. Ahli Sains
5. Pereka
6. Akauntan
7. Lain-lain

10. Pernah anda menyertai apa-apa pameran atau pertandingan melukis atau pertandingan rekaan ?

1. Ya
2. Tidak

11.. Pernahkah anda memenangi apa-apa pertandingan / peraduan lukisan atau rekaan yang dianjurkan oleh sekolah anda atau agensi luar ?

1. Ya
2. Tidak

12.. Pernahkah anda melawat ke Balai Seni lukis atau pameran-pameran yang diadakan di sekitar tempat tinggal anda.

1. Ya
2. Tidak

13. Pernah anda mendengar tentang seni grafik multimedia ?

1. Ya
2. Tidak

14. Adakah anda mempelajari PSV semasa berada di peringkat menengah rendah ?

1. Ya

2. Tidak

15. Semasa di Tingkatan 5 adakah mata pelajaran PSV diajar secara formal pada waktu sesi persekolahan ?

1. Ya

2. Tidak

16. Apakah keputusan yang anda perolehi bagi subjek PSV dalam peperiksaan akhir tahun yang baru berlalu ?

1. Cemerlang.

2. Kepujian.

3. Lulus.

4. Gagal.

17. Siapakah yang mendorong anda mengambil PSV dalam peperiksaan SPM ?

1. Sendiri

2. Keluarga

3. Kawan-kawan

4. Guru

## BAHAGIAN B : SEBAB-SEBAB PEMILIHAN PELAJAR TERHADAP PSV.

Dalam bahagian ini, anda dikehendaki untuk memberikan respon terhadap matapelajaran Pendidikan Seni Visual.

Arahan : Setiap soalan yang diberi diikuti **lima pilihan** jawapan seperti berikut : -

5	4	3	2	1
Sangat setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sangat Tidak Setuju

Baca soalan yang diberi dan **bulatkan** jawapan pilihan anda.

### (1) TUJUAN MEMILIH PSV

		Sangat setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
18.	Saya amat minat mereka dalam bidang rekaan dan ciptaan.	5	4	3	2	1
19.	Untuk mencapai citi-cita saya dalam bidang berkaitan dengan seni.	5	4	3	2	1
20	Saya suka mempelajari pelbagai bidang selain bidang sains dan matematik.	5	4	3	2	1
21	Seni mempunyai kaitan dengan bidang sains dan teknologi	5	4	3	2	1
22.	Untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran	5	4	3	2	1
23	Untuk mendapat ilmu yang tinggi dalam bidang kesenian, reka bentuk, teknologi dan alam kehidupan.	5	4	3	2	1

24	Seni mengajar saya menjadi seorang yang berdisiplin, berkeyakinan, kreatif, inovatif dan serba boleh.	5	4	3	2	1
25	Saya percaya prospek kerjaya amat luas dalam bidang seni	5	4	3	2	1
26	Seni dapat membimbing saya menjadi insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani.	5	4	3	2	1
27	Saya rasa mempunyai bakat semulajadi dalam bidang lukisan dan rekaan	5	4	3	2	1
28.	PSV di MRSM selain mengajar kemahiran melukis, ianya memberi tumpuan kepada kemahiran menyelesaikan masalah, mereka dan mencipta dan membuat penyelidikan.	5	4	3	2	1

## (2) MENDORONG MINAT

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
29.	Guru PSV saya seorang yang kreatif, kaya dengan idea dan berpengalaman luas dalam bidang seni.	5	4	3	2	1
30.	Guru PSV memainkan peranan penting dalam mengungkap bakat saya.	5	4	3	2	1
31.	Guru PSV sering memberi pujian dan penghargaan terhadap hasil kerja yang memuaskan.	5	4	3	2	1

32.	Guru PSV saya sentiasa memberi galakkan dan motivasi untuk berjaya dalam kerjaya.	5	4	3	2	1
33.	Guru PSV terlalu komited terhadap tugasnya mendorong minat saya untuk mendalami mata pelajaran ini.	5	4	3	2	1
34.	Guru PSV saya seorang yang penyabar dan penyayang.	5	4	3	2	1
35.	Minat yang mendalam terhadap seni menjadikan saya seorang yang suka berimajinasi, inovatif dan inventif.	5	4	3	2	1
36.	Saya minat menyertai peraduan atau pertandingan melukis dan rekaan atas inisiatif sendiri.	5	4	3	2	1
37.	Saya amat berbangga apabila sesuatu rekaan yang kreatif datang dari idea saya.	5	4	3	2	1
38.	Saya minat melakar gambar, imej, simbol, corak di tepi buku sewaktu belajar.	5	4	3	2	1
39.	Saya menggunakan media elektronik (cth; komputer) untuk mencari bahan dan mengumpul idea.	5	4	3	2	1
40.	Keluarga saya memberi dorongan serta galakkan dalam menceburi bidang ini.	5	4	3	2	1

**(3) ASAS KEUTAMAAN**

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
41.	Sebagai seorang pelajar aliran sains yang berbakat saya berkemampuan melahirkan idea yang kreatif.	5	4	3	2	1
42.	Pelajar aliran sains lebih memerlukan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk meningkatkan kreativiti..	5	4	3	2	1
43.	Seni merupakan satu mata pelajaran yang mudah dipelajari sekiranya kita mempunyai bakat dan kebolehan.	5	4	3	2	1
44.	Di peringkat menengah atas PSV lebih menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan seni tampak yang melibatkan ilham dan idea.	5	4	3	2	1
45.	PSV mengajar menggunakan pelbagai kemahiran media, teknik dan teknologi untuk mereka cipta .	5	4	3	2	1
46.	PSV membolehkan saya membuat diskripsi, analisis, interpretasi dan penilai terhadap karya seni visual.	5	4	3	2	1
47.	PSV dapat mengasah bakat dan minat serta saya dapat mengabungjalinkan bidang ini dengan mata pelajaran lain.	5	4	3	2	1
48.	Aktiviti seni melibatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai proses, teknik dan media serta pembentukan nilai.	5	4	3	2	1

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
49.	PSV membantu meningkatkan bilangan gred cemerlang dalam keputusan SPM	5	4	3	2	1
50.	Keselesaian dan keceriaan bilik studio seni serta kemudahan Alat Bantu Mengajar yang baik menarik serta seronok untuk belajar	5	4	3	2	1
51.	Mengambil mata pelajaran PSV untuk SPM tidak merugikan saya.	5	4	3	2	1

#### (4) PROSPEK KERJAYA

52.	Mempelajari PSV membuka bidang kerjaya yang luas selain bidang sains dan teknologi.	5	4	3	2	1
53.	Peluang belajar dan menimba ilmu dalam bidang Senireka grafik dan multimedia banyak terdapat di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam negeri atau di luar negeri.	5	4	3	2	1
54.	Dalam zaman globalisasi sekarang , banyak profesion memerlukan pekerja yang mempunyai minda yang kreatif, inovatif dan berkaliber.	5	4	3	2	1

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
55.	Mempunyai pemikiran yang kreatif dan unik menjadikan faktor utama seseorang itu boleh terkenal dan berjaya.	5	4	3	2	1
56.	Dapat membuat kerja sampingan untuk menambah pendapatan atau sebagai hobi.	5	4	3	2	1
57.	Mempelajari PSV merupakan pendedahan di peringkat asas untuk mencapai cita-cita.	5	4	3	2	1
58.	Belajar PSV dapat menjamin dan membantu kerjaya saya.	5	4	3	2	1
59.	Seorang Arkitek atau Ahli Sains memerlukan daya kreativiti yang tinggi untuk menghasilkan sesuatu ciptaan	5	4	3	2	1
60.	Peluang pekerjaan berkaitan dengan seni dan multimedia amat luas.	5	4	3	2	1

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA



# LAMPIRAN

( SURAT KEBENARAN )

Hak Milik MARA



IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN RAJA LAUT,  
50609 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2691 5377  
K.L. : 03-2692 6011  
03-2691 5111  
Telegram : "MARAMAL"  
Telex : MARAMA 30316  
Fax : 03-2691 3620

Bil. MARA: BPM/G/22

Bil. Tuan:

Tarikh: 30 Jun 2004

Cik Zalilah bt. Mohamad  
No. 21 Blok Kenanga (D)  
Desa 288  
68000 Ampang  
Selangor.

#### MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN

Surat puan bertarikh 22 Jun 2004 dirujuk.


Dimaklumkan pihak kami tiada apa-apa halangan puan menjalankan kajian berkenaan di MRSM dengan syarat :-

- i. Kerja-kkerja berkaitan tidak akan menjejaskan kepentingan pelajar / staf MRSM.
- ii. Satu salinan dapatan kajian hendaklah dihantar kepada kami.
- iii. Pihak MRSM / MARA tidak bertanggungjawab atas apa-apa kos yang timbul / terbabit.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG'**

Yang benar,

  
**SHAHEIN B. MOHAMUD**  
Pengarah  
Bahagian Pendidikan & Latihan (Menengah)  
b.p. Ketua Pengarah  
MARA

ZALILAH MOAHAMAD  
No. Matrik : PGA 020239  
Program Sarjana Pendidikan,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

---

Kepada,  
Pengetua,  
Maktab Rendah Sains MARA Muar,  
Km. 10, Jalan Bakri,  
84200 Muar,  
Johor.

21 JULAI 2004

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN**

Dengan sukacitanya saya seperti nama di atas, ingin memohon kebenaran untuk menjalankan kajian penyelidikan di MRSM tuan.


2. Kajian penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada memenuhi keperluan syarat pengajian saya dalam Program Sarjana Pendidikan yang sedang saya ikuti.
3. Kajian ini merupakan kajian rintis ( pilot steering ) oleh itu, saya memohon kebenaran untuk bertemu dengan Guru Senreka dan pelajar Tingkatan 5 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Sem Visual untuk SPM 2004. Satu set soal selidik akan diedarkan kepada pelajar dan ianya mengambil masa antara 15 – 20 minit untuk menjawab soal selidik tersebut.
4. Oleh itu, saya memohon jasa baik tuan membenarkan saya menjalankan kajian tersebut. Kerjasama dan kebenaran yang diberikan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang benar,

  
( ZALILAH BINTI MOHAMAD )

*Dibenarkan*


  
ARDIN B. PUJANG  
Penolong Pengetua  
(Hal Ehwal Pelajar)  
Maktab Rendah Sains MARA  
Muar, Johor.

ZALILAH BINTI MOHAMAD  
No. Matrik : PGA 020239  
Program Sarjana Pendidikan,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

---

Kepada,  
Pengetua  
Maktab Rendah Sains MARA Beseri,  
Jalan Kaki Bukit,  
Kangar,  
Perlis.

31 JULAI 2004

  
**AHMAD BIN ISMAIL**  
Pengetua  
Maktab Rendah Sains MARA  
Beseri Perlis

31/7/04

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN**

Dengan sukacitanya saya seperti nama di atas, ingin memohon kebenaran untuk menjalankan kajian penyelidikan di MRSM tuan.

2. Kajian penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada memenuhi keperluan syarat pengajian saya dalam Program Sarjana Pendidikan yang sedang saya ikuti.

3. Kajian ini merupakan kajian tinjauan ( survey ) oleh itu, saya memohon kebenaran untuk bertemu dengan Guru Senireka dan pelajar Tingkatan 5 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk SPM 2004. Satu set soal selidik akan didarkan kepada pelajar dan ianya mengambil masa antara 15 – 20 minit untuk menjawab soal selidik tersebut.

4. Oleh itu, saya memohon jasa baik tuan membenarkan saya menjalankan kajian tersebut. Kerjasama dan kebenaran yang diberikan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang benar,



( ZALILAH BINTI MOAHAMAD )